

BAB KEEMPAT

PENGGUNAAN *USLŪB KHABARĪ* DALAM SURAH YASIN

4.1 PENGENALAN

Tujuan menyampaikan berita sebagaimana dibincangkan dalam bab sebelum ini diantaranya adalah untuk menghilangkan keraguan yang bermain dalam fikiran pendengar, serta meyakinkan mereka terhadap apa yang disampaikan. Melalui *uslūb khabarī*, kandungan berita yang didengari dapat difahami dan diyakini kebenarannya serta difahami maksud.

Dalam bab ini penulis akan menganalisis ayat-ayat *khabarī* yang terdapat dalam surah Yasin sama ada ayat yang berbentuk *ibtidā'ī*, *ṭalabī* atau *inkārī* serta menerangkan penggunaan dan tujuan penyampaian berita dalam bentuk tersebut.

4.2 AYAT-AYAT DALAM BENTUK *IBTIDĀ'Ī* (*ḌORBON IBTIDĀ'Ī*)

Mengikut kaedah ilmu Balaghah, ayat yang terbentuk tanpa sebarang huruf *taukīd* dinamakan bentuk *ibtida'ī*, ayat dalam bentuk ini digunakan untuk menyampaikan berita kepada pendengar yang baru pertama kali menerima berita atau pendengar yang tiada maklumat tentang berita yang disampaikan, antara ayat yang berbentuk ini ialah:

4.2.1 Ayat 10

وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: Dan sama sahaja bagi mereka sama ada kamu memberi peringatan kepada mereka atau tidak, mereka tetap tidak beriman.

Huraian ayat: Dalam ayat ini Allah menceritakan tentang kesamaan golongan yang ingkar terhadap perintah Allah, mereka itu sama sahaja, iaitu tidak akan beriman sama ada mereka diberi peringatan atau tidak.

Ayat ini berbentuk *ibtida'ī* kerana tidak disertakan degan sebarang huruf *taukīd*, penggunaan ayat ini adalah bukan sahaja untuk menceritakan tentang kedegilan orang Kafir, iaitu tidak akan beriman sama ada diberi peringatan atau tidak diberi peringatan, tetapi ayat ini sebagai perintah daripada Allah S.W.T supaya Nabi Muhammad S.A.W meninggalkan orang Kafir¹, kerana mereka sudah enggan untuk menerima seruannya.

4.2.2 Ayat 15

قَالُوا مَا أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَا أَنْزَلَ الرَّحْمَنُ مِنْ شَيْءٍ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا

تَكْذِبُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya: Penduduk bandar itu menjawab: Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga, dan Tuhan Yang Maha Pemurah tidak menurunkan sesuatu pun (tentang agama yang kamu dakwakan) kamu ini tidak lain hanyalah berdusta.

¹Abu Bakr al-Jazā'irī (2003), *Aysar al-Tafāsīr*: j3 c5 Madinah Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, h 359

Huraian ayat: Apabila ketiga-tiga Rasul diutuskan kepada golongan Kafir, mereka mengatakan bahawa para Rasul itu tiada keistimewaan, bahkan para Rasul itu adalah manusia biasa, melakukan apa yang dilakukan oleh orang lain seperti berjalan, makan dan minum, Mereka mengatakan para Rasul ini menipu mereka, dan mendakwa para Rasul tidak diturunkan sebarang wahyu daripada Allah, bahkan para Rasul sendiri yang mendakwa diberikan risalah kerasulan.

Ayat *khbarī* dalam bentuk *nafi*¹ bukan sahaja digunakan untuk menceritakan penafian golongan Kafir terhadap Allah tetapi menunjukkan bahawa mereka mengakui kewujudan Allah tetapi mereka menafikan kerasulan disebabkan kedegilan mereka dan mereka menyembah berhala sebagai perantaraan untuk sampai kepada Allah², demikian itu adalah kesesatan yang sangat nyata.

4.2.3 Ayat 17

وَمَا عَلَيْنَا إِلَّا الْبَلْغُ الْمُبِينُ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Dan tugas kami hanyalah menyampaikan segala perintahNya dengan cara yang jelas nyata.

Huraian ayat: setelah para Rasul menjawab kepada orang Kafir bahawa Tuhan sahaja mengetahui bahawa mereka adalah utusan dari Allah walaupun tidak dipercayai oleh orang Kafir, dan para Rasul menerangkan bahawa tugas mereka ialah menyampaikan apa yang disuruh oleh Allah, terpulang kepada orang Kafir sama ada mahu menerima atau tidak, sekiranya mereka menerimanya mereka akan dimasukkan ke dalam syurga yang kekal abadi, dan sekiranya mereka menolaknya mereka akan menerima azab yang amat pedih.

¹ Iaitu dengan menggunakan ما النافية

² Wahbah Muṣṭafā al-Zuhaylī (1991), *al-Tasīr al-Munīr fi al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*, j 22 c2 Damsyiq: Dār al-Fikr al-'Arabī, h 302

Keterangan tentang tugas Rasul disampaikan dalam bentuk *ibtidā'ī*, memberi maksud penegasan tentang penyampaian Rasul terhadap apa yang disuruh, yang boleh dilihat melalui *الْحَصْرُ* iaitu pembentukan ayat dengan menggunakan *إلا ما نافية* bersama ¹

4.2.4 Ayat 19

قَالُوا طَئِرُكُمْ مَعَكُمْ أَيْنَ ذُكِّرْتُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: Rasul-rasul itu menjawab: Nahas dan malang kamu itu adalah disebabkan (kekufuran) yang ada pada kamu. Patutkah kerana kamu diberi peringatan dan nasihat (maka kamu mengancam kami dengan apa yang kamu katakan itu)? (Kamu bukanlah orang-orang yang mahu insaf) bahkan kamu adalah kaum pelampau.

Huraian ayat: Setelah orang Kafir menuduh para Rasul bahawa mereka menyebabkan perselisihan dan perbalahan sesama orang Kafir, mereka mengugut sekiranya para Rasul tidak berhenti daripada berdakwah, mereka akan menyeksa para utusan Allah itu sampai mati. Para Rasul menjawab bahawa malang dan nahas yang diterima oleh orang Kafir itu disebabkan perbuatan ingkar terhadap perintah Allah bukan disebabkan oleh para Rasul.

Uslūb khabarī yang digunakan di dalam ayat ini berbentuk *ibtidā'ī* dan tidak ada huruf *taukīd* digunakan untuk menerangkan sebab kenapa orang Kafir bernasib malang.²

¹ Wahbah al-Zuhaylī (1991), op cit, h 303

² Wahbah al-Zuhaylī (1991), Ibid, h 304

4.2.5 Ayat 20

وَجَاءَ مِنْ أَقْصَا الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَىٰ قَالَ يَا قَوْمِ اتَّبِعُوا الْمُرْسَلِينَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: Dan (semasa Rasul-rasul itu diancam) datanglah seorang lelaki dari hujung bandar itu dengan berlari, lalu memberi nasihat dengan katanya: Wahai kaumku! turutlah Rasul-rasul itu.

Huraian ayat: Allah menceritakan dalam ayat ini bahawa terdapat seorang lelaki dari hujung bandar¹ memberi nasihat kepada kaumnya supaya beriman kepada Allah S.W.T . Cerita yang disampaikan oleh Allah ini untuk memberi tahu tentang apa yang berlaku pada masa itu.

Penggunaan bentuk *ibtidā'ī* di sini adalah untuk menceritakan apa yang telah berlaku kepada kita. Ayat ini disampaikan kepada pendengar yang tiada maklumat tentang apa yang disampaikan, ayat ini diturunkan tanpa sebarang partikel penegasan atau huruf *taukīd*. Penggunaanya *uslūb khabarī* disini adalah untuk tujuan asal iaitu menyampaikan berita dan tidak ada tujuan balaghah di sebaliknya.

¹ Ibn 'Abbās, Mujāhid dan Muqātil berkata lelaki ini adalah Habīb bin Isra'īl, seorang tukang kayu dan tukang ukir berhala yang telah beriman kepada Allah setelah 70 tahun berada dalam kekufuran, lihat Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansārī al-Qurṭubī (tt), *al-Jami' Li Ahkāmī al-Qur'āni*, j 1 c 1, Beirut, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h 9

4.2.6 Ayat 22

وَمَا لِي لَا أَعْبُدُ الَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Dan (apabila ditanya: Sudahkah engkau menerima agama mereka? Maka jawabnya): mengapa aku tidak menyembah Tuhan yang menciptakan aku, dan hanya kepadaNya (aku dan) kamu semua akan dikembalikan.

Huraian ayat: Jawapan ini menunjukkan tidak ada sesiapa yang boleh menghalangnya daripada ikhlas beribadat kepada Allah Yang Mencitanya dan Dialah tempat dikembalikan. Sekiranya amalan baik dilakukan di atas dunia maka balasan dan ganjaran baik akan diterima kelak, dan begitulah sebaliknya, sekiranya kejahatan dilakukan maka balasan setimpal akan diterimanya.

Penggunaan *uslūb khabarī* di sini untuk menggalakkan melakukan amalan baik dan menakutkan dengan azab yang bakal diterima oleh orang yang ingkar terhadap perintah Allah.¹

¹ Wahbah al-Zuhaylī (1991), op cit, h 305

4.2.7 Ayat 28

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَىٰ قَوْمِهِ مِن بَعْدِهِ مِن جُنْدٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَمَا كُنَّا
مُنزِلِينَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: Dan Kami tidak menurunkan kepada kaumnya sesudah ia (mati), sebarang pasukan tentera dari langit (untuk membinasakan mereka), dan tidak perlu Kami menurunkannya.

Huraian ayat: Allah menerangkan bahawa sebagai balasan terhadap apa yang dilakukan oleh orang Kafir tidak perlu diturunkan tentera untuk membinasakan mereka, tetapi cukup dengan satu pekikan yang akan melenyapkan mereka semua.

Ayat *khbarī* di sini digunakan untuk menghina orang Kafir, bahawa sesungguhnya menurunkan tentera malaikat untuk memusnahkan orang Kafir adalah urusan besar tidak sepadan dengan mereka, tetapi balasan kepada mereka cukuplah dengan satu pekikan dahsyat.¹

4.2.8 Ayat 32

وَإِن كُنتُمْ لَمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٣٢﴾

Dan tidak ada satu makhluk pun melainkan dihimpunkan ke tempat perbincangan Kami, semuanya dibawa hadir untuk menerima balasan.

Huraian ayat: Sesungguhnya semua umat manusia akan dikumpulkan pada hari kiamat dan akan dibalas terhadap apa yang mereka telah lakukan. Uslub *khbarī* disini digunakan *الْحُضْرُ* untuk menunjukkan bahawa semua yang dimusnahkan oleh Allah S.W.T akan

¹ Ibid, j23, h 7

dibiarkan begitu sahaja, bahkan akan dibangkitkan semula dan akan dihitung akan segala amalan yang dilakukan.¹

4.2.9 Ayat 33

وَأَيُّهُمُ الْأَرْضُ الْمَيِّتَةُ أَحْيَيْنَاهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ
يَأْكُلُونَ

Maksudnya: Dan dalil yang terang untuk mereka, ialah bumi yang mati, Kami hidupkannya dan Kami keluarkan darinya biji-bijian, maka dari biji-bijian itu mereka makan.

Huraian ayat: Antara tanda kekuasaan Allah ialah Dia telah menghidupkan tanah yang kering kontang, dengan menurunkan hujan ke atasnya dan menghidupkan tumbuh-tumbuhan sehingga manusia dapat jadikan makanan daripada tumbuh-tumbuhan tersebut.³

Ayat kekuasaan Allah yang diceritakan melalui bentuk *ibtidā'ī* di sini tidak disertakan dengan sebarang huruf *taukīd*, pada zahir ayat dilihat sebagai cerita biasa mengenai tanah kering yang disuburkan dan dikeluarkan pula dengan tumbuh-tumbuhan yang boleh dimanfaatkan untuk kehidupan manusia, tetapi penggunaan atau tujuan sebenar penyampaian ayat ini adalah untuk membuktikan kekuasaan Allah terhadap makhluknya.⁴

Kekuasaan ini disokong lagi dengan susunan ayat yang berbentuk *تَقْدِيمُ الْخَبَرِ* atau mendahulukan perkataan *آيَةٌ*, yang menunjukkan kepada pembaca bahawa Allah Maha

¹ Ibid, h 8

² Perkataan *آيَةٌ* dalam ketiga-tiga ayat *dii' rāb* sebagai *خَبْرٌ*, lihat Abū al-Baqā' Abdullah bin al-Ḥusayn bin Abdullah al-'Akbārī (tt), *al-Tibyān fī i' rāb al-Qurān*, j 2 'Īsā al-Bābī wa Syurakāhu, h 1038

³ Al-Jazā'irī (2003), op cit, j 3, h 355

⁴ Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Syaukānī (1991), *Fath al-Qadīr*, j 4 c1 Damsyiq: Dār al-Khair, h 422

Berkuasa terhadap ciptaannya, dan antara tanda kekuasaan Allah adalah sebagaimana disebutkan tadi iaitu menyuburkan tanah yang kering kontang dan menumbuhkan tumbuhan.¹

4.2.10 Ayat 34

وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: Dan kami jadikan padanya kebun-kebun kurma dan anggur dan kami pancarkan padanya beberapa mata air

Huraian ayat: Allah S.W. T telah menjadikan sungai di pelbagai tempat untuk digunakan oleh manusia untuk menyiram pokok yang diusahakan oleh mereka, dan supaya mereka dapat makan daripada usaha tangan mereka sendiri.

Uslūb khabarī yang dipaparkan dalam ayat ini menunjukkan kekuasaan dan rahmat Allah S.W.T terhadap makhluknya, kerana hasil terhadap apa yang disemai dan ditanam oleh tangan mereka itu pada hakikatnya adalah rahmat dan kasih sayang daripada Allah S.W. T supaya mereka dapat makan. Tanpa kasih sayang dan rahmat Allah S.W.T pasti mereka tidak dapat menikmatinya kerana rezeki yang mereka perolehi bukanlah hasil usaha pemikiran dan kekuatan atau kesungguhan mereka².

¹ Ibid

² Muhammadad bin ali al-Syaukānī (1991), op cit, h 422

4.2.11 Ayat 37

وَأَيَّةٌ لَهُمُ اللَّيْلُ نَسَلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: Dan lagi dalil yang terang untuk mereka ialah malam, Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta-merta mereka berada dalam gelap-gelita.

Huraian ayat: Allah telah mengatur siang dan malam dengan sempurna, dan telah memberikan ketentuan yang tepat bagi manusia untuk menghadapinya. Firman Allah :

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ لِبَاسًا ﴿٣٨﴾ وَجَعَلْنَا النَّهَارَ مَعَاشًا ﴿٣٩﴾

Maksudnya: Dan Kami jadikan malam sebagai pakaian. Dan Kami jadikan siang untuk mencari penghidupan.

Surah al-Naba' (78) :10-11

Ayat kebesaran Allah melalui ciptaan siang dan malam ini menunjukkan betapa teraturnya waktu yang ditentukan. Ayat 37 dalam surah Yasin dipaparkan dalam bentuk *ibtidā'ī*, penyusunan ayat dalam bentuk mendahulukan khabar¹ juga menunjukkan penegasan terhadap kuasa Allah melebihi makhluknya²

¹ Iaitu mendahulukan وَأَيَّةٌ لَهُمُ اللَّيْلُ yang *dii' rāb* sebagai *khabar* dan menkemudiankan نَسَلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ yang *dii' rāb* sebagai *mubtada'* mu'akhkhar, lihat: Al-Syaukānī (1991), op cit h 421

² Muhammad bin Ali al-Syaukānī (1991), op cit h 422

4.2.12 Ayat 38

وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَهَا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: Dan matahari, ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya, itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui

Huraian ayat: Satu lagi bukti kekuasaan Allah S.W.T melalui peredaran matahari. Para ilmuwan telah menemui bahawa matahari bergerak dengan cepat berputar mengelilingi pusat galaksi, bersilasi dalam gerakannya. Para ilmuwan mengatakan matahari ini bergerak ke arah sebuah titik yang disebut "tempat peredaran matahari," bertepatan dengan ayat ini¹

Ayat ini terkandung dua *jumlah Ismiyyah* iaitu *jumlah* pertama وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَهَا dan *jumlah* kedua ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ kedua-duanya dalam bentuk *ibtidā'i* kerana tidak disertakan dengan sebarang partikel *taukīd*. Kedua-dua *jumlah* ini membuktikan kekuasaan Allah melalui penciptaan matahari yang merupakan sumber tenaga untuk kegunaan manusia.²

¹ <http://kaheel7.com/id/index.php/astronomi-a-ruang-angkasa/52-tempat-peredaran-matahari> (4 Feb 2012)

² Ismā'il ibn. Kathīr al-Qursyī (2002), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, j 13 Kaherah: Dar al-Turāth

4.2.13 Ayat 39

وَالْقَمَرَ قَدَرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

Maksudnya: Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya seperti tandan yang kering.

Huraiana ayat: Ciptaan matahari dan bulan untuk kegunaan manusia telah dibuktikan dalam surah al-Syams ayat 1 dan 2 yang bermaksud: “Demi matahari dan cahayanya di pagi hari. Dan apabila bulan mengiringinya” menggambarkan kepada kita bahawa kekuasaan Allah tiada tolak bandingnya. Melalui *uslūb khabarī* yang jelas dilihat melalui *jumlah ismiyyah* yang tidak mengandungi sebarang *taukīd*.

4.2.14 Ayat 40

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ ۗ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Tidaklah mungkin bagi matahari mendapatkan bulan dan malampun tidak dapat mendahului siang. dan masing-masing beredar pada garis edarnya.

Huraian ayat: Antara kekuasaan Allah S.W.T ialah Dia mengaturkan bulan dan bintang supaya beredar mengikut waktu dan masa yang ditentukan, matahari menyinari dunia pada waktu siang, manakala bulan pula memberi cahaya pada waktu malam. Maha suci dan Maha Berkuasa Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam, tidak pernah berlaku dua makhluk yang besar ini melampaui batas antara satu sama lain.¹

¹ Wahbah al-Zuhaylī (1991), op cit j 23 h 17

Ayat ini tidak disertakan dengan sebarang partikel penegasan. *Ḍorbon ibtidā'i* yang dibentangkan dalam ayat ini juga untuk menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T¹

4.2.15 Ayat 43-44

وَإِنْ كُنَّا نُرْقِئُهُمْ فَلَا صَرِيحَ لَهُمْ وَلَا هُمْ يُنْقَدُونَ ﴿٤٣﴾ إِلَّا رَحْمَةً مِنَّا
وَمَتْنًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: Dan jika Kami kehendaki, Kami boleh tenggelamkan mereka, maka tidak ada pertolongan bagi mereka, dan mereka juga tidak dapat diselamatkan. Kecuali dengan kemurahan dari pihak Kami memberi rahmat dan kesenangan hidup kepada mereka hingga ke suatu masa.

Huraian ayat: Antara rahmat dan kasih sayang Allah S.W.T kepada hambaNya ialah Dia telah menyelamatkan mereka dari tenggelam dalam laut, kalaulah dikehendaki olehNya, mereka akan tenggelam tanpa dibantu oleh sesiapaupun, tetapi kehendak Allah. S.W.T supaya umat manusia hidup di atas muka bumi ini sehingga satu masa yang ditentukan.

Ayat ini juga dibentangkan dalam bentuk *ibtidā'ī*, terdapat dalam ayat ini *القَصْر* iaitu penggunaan لا, dalam ayat ini juga terdapat *jumlah syart* dan *jawāb syart* selain untuk menguatkan sifat rahmat Allah ia juga menunjukkan bahawa hanya dengan sifat rahmat Allah S.W.T manusia diselamatkan.²

¹ Ibid

² Ibid h 19

4.2.16 Ayat 46

وَمَا تَأْتِيهِمْ مِّنْ آيَةٍ مِّنْ آيَاتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: Dan tidak ada suatu keterangan yang sampai kepada mereka dari keterangan Tuhan mereka, melainkan mereka selalu berpaling daripadanya.

Huraian ayat: Walau apa seruan dan keterangan tentang kebenaran dan kekuasaan Allah disampaikan kepada orang Kafir, mereka tetap berpaling tadah dan menolaknya.

Ayat ini bukanlah cerita tentang penolakan orang Kafir terhadap kebenaran yang disampaikan tetapi digunakan untuk menerangkan bahawa mereka berada dalam keadaan sesat.¹

4.2.17 Ayat 49-51

مَا يَنْظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥٠﴾ وَنُفِخَ فِي الصُّورِ ﴿٥١﴾ فَإِذَا هُمْ مِنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَنْسِلُونَ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: Mereka tidak menunggu melainkan satu pekikan yang akan membinasakan mereka semasa mereka dalam keadaan leka bertengkar. Maka dengan itu, mereka tidak berpeluang membuat sebarang pesanan, dan kalau mereka berada di luar mereka tidak sempat kembali kepada keluarganya. Dan akan ditiupkan sangkakala maka semuanya segera bangkit dari kubur masing-masing untuk mengadap Tuhannya.

¹ Ibid h 21

Huraian ayat: Kematian akan berlaku dalam satu pekikan semasa manusia sedang leka menguruskan kehidupan, sehingga mereka tidak sempat untuk memesan dan memberi wasiat kepada kaum keluarga setelah makhluk hancur musnah dengan hanya satu pekikan, maka pekikan kedua pula akan kedengaran untuk membangkitkan mereka semula.

Dalam ketiga-tiga ayat ini mengandungi *uslūb khabarī* dalam bentuk *ibtidā'ī* yang menceritakan tiga perkara iaitu pekikan pertama yang akan mematikan semua manusia, yang kedua ialah manusia tidak sempat memberi pesanan kepada orang lain, dan yang ketiga ialah mereka akan dibangkitkan semula. Semua itu bertujuan untuk menerangkan bahawa kematian dan kebangkitan semula itu berlaku dengan cepat sehingga apabila tiupan pertama berbunyi manusia tidak sempat untuk meneruskan urusan hidup mereka.¹

4.2.18 Ayat 52

قَالُوا يَنْوِيلُنَا مَنْ بَعَثَنَا مِنْ مَرْقَدِنَا ^{سَلَّمَ} هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ

الْمُرْسَلُونَ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: Mereka berkata: Aduhai celaknya kami! Siapakah yang membangkitkan kami dari tempat tidur kami? Lalu dikatakan kepada mereka: Inilah dia yang telah dijanjikan oleh Allah Yang Maha Pemurah, dan benarlah berita yang disampaikan oleh Rasul-rasul

Huraian ayat: Setelah berlaku kejutan besar kepada mereka selepas dibangkitkan semula, mereka bertanya siapakah yang membangkitkan mereka, lalu malaikat menjawab kebangkitan inilah yang dijanjikan oleh Allah dan benarlah berita yang disampaikan oleh Rasul.

¹ Ibid h 23

Ulama' Tafsir berselisih pendapat pada *uslūb khabarī* yang terdapat dalam ayat di atas, mengikut Abd al-Rahmān bin Zāid dan al-Syaukāni, mereka berpendapat ayat ini untuk menerangkan pengakuan daripada golongan Kafir bahawa sekarang mereka telah mengakui tentang kebangkitan dan hari pembalasan lalu mereka berkata “inilah yang dijanjikan oleh Allah dan benarlah apa yang telah disampaikan oleh para Rasul”

Manakala Ibn Kathīr berpendapat kata-kata ini ini keluar daripada malaikat dan orang-orang beriman untuk menegaskan kebenaran terhadap perkara yang telah diingkari oleh orang Kafir iaitu kebangkitan semula.¹

4.2.19 Ayat 53-54

إِنْ كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٥٣﴾
 فَالْيَوْمَ لَا تُظَلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٥٤﴾

Makudnya: Hanyalah berlaku satu pekikan sahaja, maka dengan serta-merta mereka dihimpunkan ke tempat perbincangan Kami, semuanya dibawa hadir. Maka pada hari itu, tidak ada sesiapa yang akan dianiayai sedikit pun, dan kamu tidak akan dibalas melainkan menurut amal yang kamu telah kerjakan

Huraian ayat: Ayat 53 menceritakan bahawa setelah manusia dibangkitkan semula mereka akan dikumpulkan pada satu tempat iaitu di padang Mahsyar, manakala ayat 54 pula menceritakan mengenai keadilan Allah S.W.T terhadap hambaNya, iaitu tentang balasan yang akan diberikan setimpal dengan perbuatan mereka, dan mereka tidak akan dizalimi.

¹ Ibid h 29

Jelas bahawa bagi yang mempunyai hubungan yang erat dengan Allah SWT, keyakinan bahawa mereka akan dibangkitkan dan mereka akan dibalas atas perbuatan mereka. Apabila manusia yakin bahawa Allah tidak akan menzalimi hamba-hambanya mereka akan tabah melalui ujian dan cabaran. Walau seberat manapun ujian tersebut, kerana mereka tahu ujian dan cabaran itu bukan tanda Allah sedang menzalimi mereka. Kepercayaan ini membawa kepada kepercayaan bahawa apa sahaja yang Allah berikan itu adalah baik, walaupun nampak tidak baik pada pandangan manusia.

Firman Allah:

وَمَا اللَّهُ يُرِيدُ ظُلْمًا لِّلْعِبَادِ

Maksudnya: Dan tidaklah Allah itu mengkehendaki (untuk berlaku) zalim kepada hamba-hambanya.

Surah al-Ghāfir (40) : 31

Ayat 53 surah Yasin bukan sahaja menceritakan tentang apa yang akan berlaku tetapi menggambarkan kecepatan yang berlaku pada hari kebangkitan iaitu kebangkitan, penghimpunan, penghitungan dan balasan.¹ Ayat 54 membentangkan keadilan Allah melalui jumlah *fi'liyyah* dalam bentuk *ibtidā'i* yang tidak disertakan dengan sebarang huruf penegasan. Pendahuluan *maf'ūl Fīhi* (مَفْعُولٌ فِيهِ)² juga sebagai penegasan bahawa pada hari itu benar-benar tidak berlaku kezaliman.

¹ Ibid

² Ialah *ism* atau kata nama yang dinasabkan (مَنْصُوبٌ) menunjukkan waktu atau tempat berlaku peristiwa, dalam ayat ini *اليَوْمِ* menunjukkan waktu yang tidak akan dizalimi oleh Allah akan manusia, iaitu pada hari kiamat, lihat Abdul Ghaniī al-Daqar (1988), *Mu'jam al-Nahw*, c 4 Beirut: Mu'assasah al-Risālah h 356-357

4.2.20 Ayat 61

وَأَنْ أَعْبُدُونِي ۚ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾

Maksudnya: Dan hendaklah kamu menyembahKu, inilah jalan yang lurus

Huraian ayat: Ulama' Tafsir berselisih pendapat dalam mentafsirkan maksud “jalan yang lurus” dan pada إِسْمُ الْإِشْرَارَةِ (perkataan هَذَا), sama ada dirujuk kepada arahan supaya jangan menyembah syaitan yang terdapat pada ayat sebelumnya, iaitu لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ atau dirujuk kepada suruhan menyembah Allah yang terdapat dalam ayat ini iaitu وَأَنْ أَعْبُدُونِي. Pendapat yang paling kuat ialah maksudnya hendaklah menyembahKu, penyembahan terhadap Daku adalah jalan yang paling lurus.

Uslūb khabarī yang dibentangkan di dalam ayat ini adalah berbentuk *jumlah ismiyyah*, bermula dengan *mubtada'* dan khabarnya adalah *khabar mufrad*¹. Jumlah ini tidak dibentuk dengan khabar *jumlah ismiyyah* seperti هَذَا هُوَ الصِّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ untuk menunjukkan bahawa ayat ini adalah untuk membuktikan bahawa menyembah Allah merupakan satu perkara yang sangat tepat dan perlu bagi seorang hamba.²

¹ Jumlah ismiah ialah *jumlah* yang dimulakan dengan kata nama (الاسم) dan diikuti dengan *khabar*, sama ada *khabar* itu terdiri daripada *khabar jumlah 'ismiyyah*, atau *khabar jumlah fi'liyyah* atau *khabar shibh al-Jumlah*, lihat: Jeorg M Abdul Massih (1985), *Mu'jam Qawā'id al-Lughah al-'Arabiyyah Fi Jadwal wa Lauḥāt*, c2 Beirut: maktabah Lubnān, h 154

² Mahmūd Syukrī al-Alūsī (tt), *Ruḥ al-Ma'ānī*, Beirut: Dar Iḥya' al-Turāth al-'arabī, j 17 h 15

4.2.21 Ayat 63

هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٦٣﴾

Maksudnya: Yang kamu saksikan sekarang ialah neraka Jahanam, yang kamu selalu diancam memasukinya.

Huraian ayat: Pada hari Kiamat, Allah S.W.T berkata kepada orang Kafir dari kalangan anak Adam, bahawa inilah neraka yang dijanjikan kepada mereka sebagai balasan terhadap kejahatan yang dilakukan di atas dunia.

Ayat ini juga dalam bentuk *ibtidā'ī* yang tidak disertakan dengan sebarang huruf *taukīd*. Paparan ayat dalam bentuk ini untuk menunjukkan bahawa golongan Kafir yang ingkar terhadap perintah Allah itu sangat hina dan mereka patut dimasukkan ke dalam neraka.¹

4.2.22 Ayat 65

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: Pada hari itu Kami tutup mulut mereka; kedua tangan mereka memberitahu Kami, dan kaki mereka menjadi saksi terhadap apa yang mereka telah usahakan.

Huraian ayat: Setiap anak Adam perlu berhati-hati dalam melakukan amalan, kerana pada hari kiamat segala anggota badan mereka akan menjadi saksi terhadap apa yang telah dilakukan, kerana hari itu adalah hari perhitungan amal baik dan amal buruk. Setelah berada di padang Mahsyar, semua manusia akan dihisab satu persatu. Sebelum dihisab,

¹ Muhammad bin Ali al-Syaukānī (1991), op cit, h 432

mereka diberitahu tentang amal perbuatan yang telah mereka kerjakan meskipun mereka telah lupa apa yang mereka kerjakan. Mereka akan dihisab dengan perbuatan yang mereka lakukan dari yang besar sampai yang sekecil kecilnya. Semua anggota tubuh mereka menjadi saksi. Tangan menjadi saksi, kaki menjadi saksi, Amal yang dilakukan oleh mereka didunia telah dicatat oleh malaikat, tanpa ada kekeliruan sedikitpun.¹

Penyaksian ini juga dipaparkan dalam bentuk *ibtidā'ī* yang sunyi dari partikel penegasan, cerita mengenai anggota badan menjadi saksi ke atas segala perbuatan manusia adalah untuk memberi peringatan kepada mereka supaya berhati-hati dalam melakukan perkara yang bercangah dengan ajaran Allah, kerana walaupun mereka tidak mahu bercakap atau mengaku terhadap kesilapan yang telah dilakukan, anggota badan yang melakukan dosa akan membuat pengakuan terhadapNya.

Terdapat ulama' yang mengatakan bahawa ayat ini dibaca dengan *lām al-Amr*² iaitu *lām* suruhan (وَأَنكَلَمْنَا أَيُّدِيَهُمْ) untuk menunjukkan bahawa Allah menyuruh anggota badan manusia membuat pengakuan.³

Ayat ini juga mendahulukan مَفْعُولٌ فِيهِ untuk menegaskan bahawa pada hari itu, iaitu hari tertentu atau hari Kiamat dan hari pembalasan anggota badan manusia akan menjadi saksi kepada perbuatan tuannya.

¹ al-Zamakhsharī (tt), op cit, h 24

² *Lām* suruhan yang terletak di hadapan *fi'l al-Muḍari'*, lihat : Abdul Ghaniī al-Daqar (tt), op cit, h 302

³ Muhammad Ali al-Syaukānī (1991), op cit

4.2.23 Ayat 68-70

وَمَنْ نُعَمِّرْهُ نُنَكِّسْهُ فِي الْخَلْقِ أَفَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٦٨﴾ وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾ لِيُنذِرَ مَنْ كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ الْقَوْلُ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٧٠﴾

Maksudnya: Dan sesiapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami balikkan kembali kejadiannya maka mengapa mereka tidak mahu memikirkannya? Dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya, dan tidak sesuai baginya bersyair. Tidak lain melainkan pengajaran dan Kitab yang memberi penerangan. Supaya ia memberi peringatan kepada orang yang sedia hidup hatinya, dan supaya nyata tetapnya hukuman azab terhadap orang yang kufur engkar.

Huraian ayat: Dalam 3 ayat ini Allah telah menerangkan 2 perkara penting iaitu:

- i. Sekiranya Allah mahu Dia akan memanjangkan umur sesiapa sahaja
- ii. Nabi bukan penyair tetapi dia menyampaikan wahyu daripada Allah, wahyu yang menjadi peringatan kepada orang-orang yang beriman

Uslūb khabarī dalam bentuk *ibtidā'ī* yang dipaparkan dalam semua ayat tadi adalah untuk:

- i. Ayat 68, untuk menunjukkan bahawa dunia ini adalah sementara dan tidak kekal, kerana Allah jadikan manusia bermula dari setitis air yang hina sehingga tua dan seterusnya meninggalkan dunia ini untuk dibangkitkan semula di akhirat yang kekal abadi.¹

¹ Ibid h 22

- ii. Ayat 69-70, untuk membantah tuduhan orang Kafir Mekah bahawa al-Quran itu adalah syair, sesungguhnya al-Quran bukanlah syair, Nabi Muhammad S.A.W bukan seorang pesyair, bahkan baginda adalah seorang Rasul yang menerima wahyu untuk disampaikan kepada manusia.¹

4.2.24 Ayat 72-73

وَذَلَّلْنَاهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ ﴿٧٢﴾ وَهُمْ فِيهَا مَنَّعٌ وَمَشَارِبٌ
أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

Maksudnya: Dan Kami jinakkan dia untuk kegunaan mereka, maka sebahagian di antaranya menjadi kenderaan mereka, dan sebahagian lagi mereka makan. Dan mereka beroleh berbagai faedah dan kegunaan pada binatang ternak itu dan juga beroleh minuman, maka mengapa mereka tidak mahu bersyukur?

Huraian ayat: Ayat-ayat di atas menceritakan tentang nikmat yang akan diperolehi kelak oleh orang-orang yang bersyukur kepada Allah, di mana mereka akan memanfaatkan daripada tunggangan dan minuman.

Ayat diatas berbentuk *ibtidai* kerana tidak disertai dengan *taukīd*, dua ayat ini masih digunakan untuk menceritakan kekuasaan Allah melalui kejadian binatang yang manusia gunakan sebagai tunggangan dan binatang yang dijadikan sebagai makanan.

¹ Wahbah al-Zuhaylī (1991) Ibid h 22

Dalam ayat lain pula, Allah menerangkan bahawa ada juga binatang yang dimanfaatkan daripada bulu, kuku, dan tulangnya sebagai perhiasan rumah dan sebagainya, semuanya ini menunjukkan kekuasaan Allah. FirmanNya:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ
بُيُوتًا تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَابِهَا
وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثْنَا وَمَتْنَعًا إِلَىٰ حِينٍ

Maksudnya Dan Allah jadikan bagimu rumah-rumah sebagai tempat tinggal. dan Ia jadikan bagi kamu kulit-kulit binatang ternak itu Khemah-khemah, yang kamu merasa ringan di buntut dibawa semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti, dan dari berjenis-jenis bulu binatang ternak itu, berbagai perkakas rumah dan perhiasan, untuk kamu menggunakannya hingga ke suatu masa.

Surah al-Nahl (16): 80

Ayat 72 dan 73 dalam surah Yasin berbentuk *ibtidā'ī* kerana tidak disertai dengan sebarang *taukīd*. Begitulah dengan ayat 80 dalam surah al-Nahl yang di antaranya menceritakan juga tentang kegunaan binatang yang diciptakan oleh Allah kepada manusia. Kedua-dua ayat dipaparkan dalam bentuk *ibtidā'ī*. Penggunaan *Bentuk ibtidā'ī* di sini berlaku di sebalik maksud asal ayat, iaitu bukan untuk memaklumkan kepada pendengar tentang apa yang diciptakan untuk mereka. Tetapi adalah untuk membutikan kekuasaan Allah terhadap makhluknya dan supaya manusia bersyukur di atas pemberian ini¹

¹ al-Zamakhsharī (tt), op cit, h 28

4.2.25 Ayat 79

قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

Maksudnya: Katakanlah: Yang menghidupkannya adalah Penciptanya pada mula wujudnya, dan Ia Maha Mengetahui akan segala makhluk.

Huraian ayat: Allah adalah Pencipta segala makhluk, mustahil bagi Allah S.W.T tidak mengetahui selok belok makhluk yang dicipta. Ayat 79 dalam surah ini mengakhiri *uslūb khabarī* dalam bentuk *ibtidā'i*, dengan kenyataan bahawa pengetahuan Allah melebihi pengetahuan makhluknya.

Pengetahuannya S.W.T marangkumi yang tersembunyi dan yang nyata, merangkumi yang terdahulu dan yang terkemudian. Sebagai peringatan kepada manusia dan galakan kepada mereka supaya sentiasa melakukan amalan kebaikan¹, kerana sesungguhnya walaupun manusia telah mati ditelan bumi dan telah hancur semua anggota badan termasuk tulang-tulang nescaya Allah Maha Berkuasa mengembalikan semua yang telah binasa dan membalas apa yang telah dilakukan di atas dunia.

¹ Wahbah al-Zuhaylī (1991), op cit, j 23 h 59

4.3 AYAT-AYAT DALAM BENTUK *ṬALABĪ* (*ḌORBON ṬALABĪ*)

4.3.1 Ayat 2

وَالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ ﴿٢﴾

Maksudnya: Demi al-Quran yang mengandung hikmat-hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh.

Huraian ayat: Dalam ayat ini Allah bersumpah dengan al-Quran yang bersifat hikmah dan bijaksana untuk membuktikan kebenaran seorang Nabi yang diutuskan kepada manusia, iaitu Nabi Muhammad S.A.W.¹ Ayat ini merupakan ayat *khbarī* dalam bentuk *ṭalabī*, dimana partikel penegasan yang digunakan adalah *wāu qasm* atau sumpahan. Sumpahan dengan al-Quran di sini membawa erti di sebalik zahir ayat. Pada zahir ayat memberi erti demi al-Quran yang bijaksana tetapi maksud sebenar di sebalik ayat ini ialah *kināyah* (perumpamaan) tentang kemuliaan dan kebijaksanaan al-Quran di sisi Allah S.W.T. Di sini juga menunjukkan bahawa al-Quran itu adalah mukjizat yang berkekalan dan Nabi Muhamad adalah benar-benar diutuskan dengan kitab yang terakhir untuk umat manusia sehingga hari kiamat.²

Kita dapat melihat melalui sumpahan di sini, bahawa al-Quran benar-benar datang daripada Allah S.W.T melalui sumpahan yang dilakukan, dan Nabi Muhammad S.A.W benar-benar utusannya yang diturunkan kitab suci al-Quran kepadanya. Tidak wajar bagi manusia menafikan kebenaran kedua-duanya. Apatah lagi menafikan kebenaran al-Quran yang telah didatangkan dengan sumpahan untuk menegaskan lagi kebenarannya seperti dalam ayat ini.

¹ Abu Muhammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd al-Baghawī (1997), *Tafsir al-Baghawī al-Musamma Ma`ālim al-Tanzīl*, j7 c4 Beirut: Dar al-Turath al-'Arabī. h 8

² Wahbah al-Zuhaylī (1991), op cit, j 23 h 293

4.3.2 Ayat 8-9

إِنَّا جَعَلْنَا فِي أَعْنَاقِهِمْ أَغْلَالًا فَهِيَ إِلَى الْأَذْقَانِ فَهُمْ مُقْمَحُونَ ﴿٨﴾
وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا
يُبْصِرُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami jadikan belenggu yang memberkas kedua tangan mereka ke batang leher mereka sampai dagu mereka terdongak. Dan kami adakan di hadapan mereka dinding dan di belakang mereka dinding (pula), dan kami tutup (mata) mereka sehingga mereka tidak dapat melihat.

Huraian ayat: Dua Ayat ini menggambarkan nasib malang orang yang tidak beriman, di mana leher mereka dikenakan belenggu dan belenggu itu telah menyundak sampai ke dagu sehingga menekur ke bawah, mereka tidak bebas lagi, melainkan tertengadah ke atas.

Berkata Muqātil,¹ ayat ini diturunkan kepada Bani Makhzūm ketika Abu Jahal bersumpah jika dia melihat Nabi dia akan melontarkannya dengan batu, Abu Jahal datang kepada Nabi semasa baginda sedang sembahyang lalu dia mengangkat batu untuk menghentam kepala Nabi, lalu Allah jadikan tangannya terbelenggu di atas lehernya bersama batu.

Abu Jahal kembali kepada sahabat-sahabatnya dalam keadaan tersebut, mereka membuang batu tersebut, kemudian datang pula seorang lelaki dari Banī al-Mughīrah untuk membunuh Nabi S.A.W tetapi Allah menutup pandangannya sehingga dia tidak dapat

¹ Abu Hasan Muqātil, Sulaimān bin Basyīr al- bi al-Wala' al-Balkhī (2003) *Tafsir al-Muqātil*, j3 c 1 Berut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h 117

melihat baginda, kemudian dia kembali semula kepada sahabat-sahabatnya dalam keadaan dia tidak dapat melihat mereka sehinggalah dipanggil.¹

Dari aspek Balaghah, 2 ayat ini berbentuk *ṭalabī*, penggunaan satu huruf *taukīd* iaitu (إِنَّا) pada ayat 7 dan *di'atāfkan* kepada perkataan (وَجَعَلْنَا) menjadikan ayat itu (إِنَّا جَعَلْنَا), 2 ayat ini bukan semata-mata disampaikan kepada pendengar untuk menceritakan apa yang berlaku kepada Abu Jahal dan lelaki dari Banī al-Mughīrah, tetapi tujuan penggunaan sebenar ialah untuk memberi peringatan kepada sesiapa yang mengingkari perintah Allah dan ingin menyakiti RasulNya, bahawa mereka pasti mendapat balasan yang setimpal dan menyakitkan. Penggunaan *uslūb khabarī* dalam ayat ini ialah menceritakan penafian Allah untuk memberi hidayah kepada golongan Kafir²

4.3.3 Ayat 11

إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ اتَّبَعَ الذِّكْرَ وَحَشِيَ الرَّحْمَنَ بِالْغَيْبِ^ط فَبَشِّرْهُ بِمَغْفِرَةٍ
وَأَجْرٍ كَرِيمٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya peringatan hanyalah yang engkau berikan kepada orang yang sedia menurut ajaran al-Quran serta ia takut kepada Allah al-Rahman semasa ia tidak dilihat orang dan semasa ia tidak melihat azab Tuhan. Oleh itu berilah kepadanya berita gembira dengan keampunan dan pahala yang mulia.

Huraian ayat: Ayat ini menunjukkan orang yang taat dan mengikuti perintah Allah hanya dari kalangan orang yang yakin dan mengetahui bahawa Allah Maha Mengetahui apa yang dilakukan walaupun perbuatan tersebut dilihat oleh manusia atau tidak. Mengikuti ajaran

¹ Nasr bin Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim al Samarqandī (1993), *Bahr al-'Ulūm*, Juz 3 Beirut: Dār al-Kutub al-'Imiah, h. 93-94

² Al-Fakhr Al-Rāzi (1993), *al-Tafsīr al-Kabīr*, jld 23, c3 Beirut: Dār 'Ihya' al-Turāth al-'Arabī, h.44

al-Quran dan takut kepada Allah merupakan titik permulaan bagi seseorang untuk menerima ajaran Islam¹. Orang-orang yang menurut perintah Allah diberikan khabar gembira dengan keampunan dosa-dosa dan diberikan ganjaran yang setimpal dengan amalannya iaitu syurga².

Dalam ayat ini digunakan (إِنَّمَا) untuk penegasan. Motif balaghah di sebalik zahir ayat yang disampaikan oleh Allah dalam ayat ini ialah tentang balasan kebaikan (فَبَشِّرْهُ بِمَغْفِرَةٍ) (وَأَجْرٍ كَرِيمٍ) iaitu syurga dan segala nikmat yang terdapat di dalamnya, yang hanya akan diperolehi dan dinikmati oleh orang-orang yang mengikuti perintah Allah dan RasulNya sahaja.

Selain dari itu, penggunaan *uslūb khabarī* dalam ayat ini ialah untuk melahirkan kesedihan (takziah) kepada Rasul S.A.W. kerana apa yang disampaikan itu tidak diendahkan oleh orang Kafir, walau bagaimanapun baginda mesti terus menyampaikan dakwah tanpa berputus asa³

4.3.4 Ayat 14

إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا إِلَيْكُم مُّرْسَلُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: Ketika Kami utus kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya, kemudian Kami kuatkan dengan Rasul yang ketiga, lalu Rasul-rasul itu berkata: Sesungguhnya kami ini adalah diutuskan kepada kamu.

¹ Sa'īd Ḥawa (1985), *al-Asās Fī al-Tafsīr*, j 8 c1 Kahirah: Dār al-Salām Li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-tauzī' wa al-Tarjamah, h. 4621

² Ibid

³ Ibid

Huraian ayat: Orang Kafir telah mengingkari dua utusan Allah yang diutuskan kepada mereka. Penolakan kedua-dua utusan pertama membuktikan penolakan utusan ketiga kerana ketiga-tiga Rasul itu diutuskan dengan wahyu yang sama, iaitu menyeru manusia menyembah Allah Yang Maha Esa, ayat ini seolah-olah menjawab soalan yang tersembunyi iaitu: apakah yang dikatakan oleh ketiga-tiga Rasul setelah diutuskan kepada mereka? Jawapannya Rasul-Rasul itu menjawab : Sesungguhnya kami adalah utusan Allah yang diutuskan kepada kamu.

Jawapan ini didatangkan dengan *taukīd* iaitu (إِنَّ) Membuktikan bahawa mereka (golongan Kafir) sudah mendustakan dua orang Rasul yang telah diutuskan¹ dan menunjukkan memang mereka telah mengingkari dua Rasul sebelum ini.²

4.3.5 Ayat 18

قَالُوا إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ^ط لَئِن لَّمْ تَنْتَهُوا لَنَرْجُمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ

أَلِيمٌ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Penduduk bandar itu berkata: Sesungguhnya kami merasa nahas dan malang dengan sebab kamu. Sesungguhnya kalau kamu tidak berhenti (dari menjalankan tugas yang kamu katakan itu), tentulah kami akan merejamkanmu dan sudah tentu kamu akan merasai dari pihak kami azab yang pedih

Huraian ayat: Dikatakan Rasul menjalankan dakwah kepada mereka selama 10 tahun tetapi orang Kafir tidak menerima seruan itu, lalu mereka ditimpa hujan selama 3 tahun.³

Golongan Kafir menuduh bahawa mala petaka yang menimpa mereka adalah disebabkan

¹ Ibid, h 415

² Muhammad bin Ali al- Syaukanī (1991), op cit, J4 h.417

³ Ibid

perbuatan Rasul yang tidak putus-putus menyampaikan dakwah, sehingga mereka mengugut para Rasul sekiranya tidak berhenti menyampaikan seruan mereka akan merejam para Rasul tersebut dan membalas dendam dengan azab yang sangat pedih.

Ayat ini merupakan *kalām khabarī* dalam bentuk *talabi*, satu taucid digunakan di sini iaitu (لَنْ), penggunaan bentuk *talabi* di sini bukan untuk menegaskan tentang kemarahan dan keluhan golongan Kafir terhadap utusan yang disampaikan, tetapi penggunaan sebenarnya ialah untuk menunjukkan sifat melampau golongan Kafir terhadap utusan Allah¹

4.3.6 Ayat 25

إِنِّي ءَامَنْتُ بِرَبِّيكُمْ فَاسْمَعُونِ

Maksudnya: Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu, maka dengarlah (nasihatku).

Huraian ayat: Kata seorang lelaki yang datang dari hujung negeri setelah memberi peringatan dan pengajaran kepada kaumnya supaya beriman kepada Allah dan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W, agar kaumnya menuruti nasihat yang telah diberikan kepada mereka, kerana nasihat adalah benar dan akan membawa mereka kepada kesejahteraan dunia dan akhirat, tetapi nasihatnya ditolak malah dia dimarahi dan dipukul sampai jatuh lalu dipijak-pijak sampai terkeluar isi perutnya lalu dia mati, setelah dia mencapai syahid

¹, Abu Muhammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd al-Baghawī (1997), *Tafsir al-Baghawī al-Musammā Ma`ālim al-Tanzīl*, j 7 c4 Beirut: Dar al-Turath al-‘Arabī, h 13

datanglah firman Allah dalam ayat seterusnya yang bermaksud: Masuklah kamu ke dalam syurga.¹

Penurunan ayat dalam bentuk *ṭalabī* dengan menggunakan satu *taukīd* (اِنَّ) untuk menunjukkan pengakuan lelaki tersebut terhadap keimanannya kepada Allah²

4.3.7 Ayat 41

وَأَيُّهُ هُمْ أَنَا حَمَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ فِي الْفُلِّ الْمَشْحُونِ ﴿٤١﴾

Maksudnya: Dan satu dalil lagi untuk mereka insaf ialah, Kami membawa belayar keluarga mereka dalam bahtera yang penuh sarat.

Huraian ayat: Antara kekuasaan Allah ialah Dia telah menyelamatkan anak cucu Adam daripada ditenggelami banjir semasa zaman Nabi Nuh, di mana dalam kapal tersebut hanya terselamat golongan yang beriman sahaja³. Kapal yang dipenuhi dengan barangan dan binatang-banatang berpasangan yang diperintahkan oleh Allah supaya dibawa bersama dalam Bahtera Nabi Nuh untuk dibiakkan keturunannya bagi kegunaan manusia kelak.⁴

¹ Abdulmalik Abulkarim Amrullah HAMKA (1987) *Tafsir al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, h 5985

² Muhamad al-Tāhir Ibn ‘Āsyūr (tt), *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, juz 22 Tunisia: Dār al-Tūnisiyyah Li al-Nasyr, h. 369.

³ Abu al-Fidā’Ismā’il ibn Kathīr al-Qursyīy (2002), *Tafsir al-Qur’ān al-‘Azīm*, juz 3 Kaherah: Dar al-Turāth h. 573

⁴ Wahbah al-Zuhaylī (1987) op cit , juz 23, h. 18

Ahli Tafsir menerangkan bahawa makna zuriat di sini ialah nenek moyang kita iaitu nenek manusia yang kedua sesudah Nabi Adam¹. Mereka itulah yang melahirkan manusia yang berada dimuka bumi sekarang². Terdapat pelbagai pendapat dalam menerangkan maksud ganti nama (هُم) dalam ayat ini, antaranya ialah:

- i. Penduduk atau orang Kafir dari kalangan orang Arab.
- ii. Orang Kafir yang tinggal di zaman Nabi Muhammad S.A.W
- iii. Abad-abad dahulu, iaitu anak cucu Adam atau zuriat keturunan abad-abad dahulu.³

Dalam Fasa kedua surah ini Allah mengulangi bentuk kekuasaanNya dengan ungkapan yang sama sebanyak tiga kali iaitu (وَآيَةٌ لَهُمْ) tetapi pada ayat ketiga ini ditegaskan dengan huruf *taukīd*.⁴ Penegasan ini boleh membuktikan kepada kita bahawa sesungguhnya Allah telah menyegerakan azab umat-umat terdahulu sebagaimana yang berlaku kepada kaum Nabi Nuh dan umat Nabi-nabi terdahulu sebelum ini yang ingkar kepada perintahnya⁵, manakala azab umat Nabi Muhammad ditangguhkan sehingga hari kiamat sebagai pemuliaan kepada Nabi dan Rasul yang terakhir.

Penggunaan *uslūb khabarī* dalam ayat ini bukan untuk menceritakan bahawa Allah melayarkan mereka dalam bahtera Nabi Nuh, tetapi terselit rahsia yang amat besar iaitu

¹ Al-Fakhr al-Rāzī (tt), *Tafsīr al-Kabīr*, j 23 Dar Ihya' al-Turāth al-'Arabi, Beirut, h 78

² Hamka (1987) op cit, h 6003

³ Muhammad bin Ali al-Syaukāni (1991), op.cit, h. 425

⁴ Ahmad Mustafā Ḥusayn al-Zamakhsyarī (1987), *Al-Kasyāf 'an Haqā'iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl Wa 'Uyun al-Aqāwīl fī Hujjah al-Ta'wīl*, c3 Beirut: Dār Rayyān Li al-Turāth. J23, h.18

⁵ Wahbah al-Zuhaylī (1991), op.cit, h.21

sebagai peringatan dan menceritakan tentang nikmat.¹ Huruf *taukīd* yang digunakan dalam *khobar* ini ialah (أَنَّ) iaitu huruf *taukīd* yang mendahului *jumlah ismiyyah* (نَحْنُ حَمَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ)

4.3.8 Ayat 55

إِنَّ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ الْيَوْمَ فِي شُغْلٍ فَكِهِونَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya: Sesungguhnya penghuni syurga pada hari itu bersenang-senang dalam kesibukan (mereka).

Huraian ayat: Dalam ayat ini Allah menerangkan tentang nikmat yang dirasakan oleh ahli syurga, bahawa apabila mereka dipindahkan ke syurga mereka sangat sibuk menikmati pelbagai nikmat yang dihidang untuk mereka,² iaitu nikmat yang tidak dapat dilihat oleh mata dan tidak dapat difikirkan oleh akal. Kesibukan mereka bukan hanya kepada perkara tertentu bahkan berkata sesetengah ulama³ kesibukan mereka ialah sibuk mendengar, menziarahi sesama mereka, dan sibuk menjadi tetamu Allah.⁴

Ayat ini dibawa dalam bentuk *talabī* bukan sahaja untuk menceritakan nikmat atau menegaskan tentang kebenaran nikmat yang dikecapi oleh penghuni syurga, tetapi untuk menggalakkan manusia melakukan amalan baik.⁵ Galakan ini dibuktikan dengan pelbagai keterangan mengenai nikmat yang dihidangkan oleh Allah S.W.T kepada hambanya yang taat kepada perintahnya sebagaimana yang diterangkan melalui *uslūb khabarī* dalam ayat ini.

¹ Muhammad Ṣiddīq Hasan (1992) *Faṭḥ al-Bayān fī Maqāsid al-Qur'ān*, juz 11, Beirut: Maktabah al-‘Aṣriyyah h 298

² Abu al-Fidā’ ibn Kathīr (2002) op.cit, h.575

³ Iaitu Qatādah dan Mujāhid

⁴ Muhammad bin Ali al-Syaukānī (1991), op cit, h.430

⁵ Ahmad Mustafā al-Marāghī (1998), *Tafsīr al-Marāghī*, c1 j8 Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah , h. 143.

4.3.9 Ayat 60

أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَا بَنِي آدَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: Bukankah Aku telah memerintahkan kepadamu hai Bani Adam supaya kamu tidak menyembah syaitan? Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu",

Huraian ayat: Ayat ini telah dimulakan dengan larangan mengikuti syaitan kerana sesungguhnya mereka (syaitan) itu merupakan musuh paling ketat bagi anak-anak Adam¹.

Uslūb khabarī dalam ayat ini ialah (إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ). Ayat asal sebelum dikuatkan dengan *taukīd* ialah (هُوَ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ). Ayat tanpa penegasan atau tanpa *taukīd* merupakan *khabar ibtida'ī*. Huruf *taukīd* (إِنَّ) digunakan disini untuk membentuk *uslūb khabarī* bahagian *ṭalabī*. Kalau dilihat pada zahir ayat seolah-olah ditegaskan bahawa syaitan itu musuh ketat bagi manusia, tetapi maksud di sebalik ayat ini ialah untuk menerangkan sebab kenapa Allah melarang kita mempercayai syaitan, larangan tersebut kerana syaitan adalah musuh yang paling terang bagi manusia.²

¹ Abu al-Fidā' Ibn Kathīr (2002), op.cit h.576

² Muhammad Siddiq Hasan (1992), op cit juz 11h 320

4.3.10 Ayat 66-67

وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰ أَعْيُنِهِمْ فَاسْتَبَقُوا الصِّرَاطَ فَأَنَّىٰ يُبْصِرُونَ

﴿٦٦﴾ وَلَوْ نَشَاءُ لَمَسَخْنَاهُمْ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمْ فَمَا اسْتَطَعُوا مُضِيًّا وَلَا

يَرْجِعُونَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya: Jika Kami kehendaki, tentu Kami hapuskan penglihatan mata mereka lalu mereka menerpa mencari jalan. Maka bagaimana mereka melihatnya? Dan jika Kami kehendaki, tentu Kami mengubah jasmani mereka di tempat yang mereka berada, maka dengan itu, mereka tidak dapat undur ke belakang.

Huraian ayat: Dalam 2 ayat ini Allah telah menerangkan 2 perkara penting iaitu:

- i. Sekiranya Allah mahu lakukan ke atas mereka nescaya Allah akan menjadikan mereka buta.
- ii. Sekiranya Allah mahu, Dia akan menukarkan rupa bentuk mereka menjadi lebih keji.

Uslūb khabarī dalam bentuk *ṭalabī* yang dipaparkan dalam 2 ayat 2 ayat ini adalah untuk menunjukkan sifat rahmat Allah S.W.T terhadap makhluknya, walaupun Allah mampu mengubah dan membalas mereka dengan seburuk-buruk balasan tetapi kerana rahmatNya S.W.T Dia tidak melakukannya.¹

¹ Wahbah al-Zuhaylī (1991), op cit, h 42

4.3.11 Ayat 71

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا خَلَقْنَا لَهُمْ مِمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَا أَنْعَامًا فَهُمْ لَهَا مَالِكُونَ

﴿٧١﴾ وَذَلَّلْنَاهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ ﴿٧٢﴾

Maksudnya: Dan apakah mereka tidak melihat bahwa sesungguhnya Kami telah menciptakan binatang ternak untuk mereka iaitu sebahagian dari apa yang telah Kami ciptakan dengan kekuasaan Kami sendiri, lalu mereka menguasainya?

Penegasan kekuasaan dan keesaan Allah melalui ciptaan binatang untuk kegunaan manusia dengan apa yang mereka usahakan.¹ Allah menyuruh manusia melihat pada kemudahan yang diberikan kepada mereka melalui binatang, mereka banyak mengambil manfaat daripada menggunakannya sebagai kenderaan tunggangan untuk berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain, menggunakan kulit, bulu dan gigi binatang untuk dijadikan sebagai perhiasan dan sebagainya².

Tidak ada dari kalangan manusia yang menafikan nikmat yang diberikan oleh Allah, Ayat ini didatangkan dalam bentuk *ṭalabī* dengan menggunakan satu *taukīd* untuk memperlihatkan kepada kita bahawa manusia sering mengingkari bahawa Yang Memberi rezeki adalah Allah, ramai di kalangan manusia masih menganggap nikmat-nikmat yang diperolehi adalah hasil usaha dan titik peluh mereka sendiri tanpa menyandarkan kepada Allah.³

¹ al-Fakhr Al-Rāzi (1993), *Al-Tafsīr al-Kabīr*, jld 23, c3 Beirut: Dār 'Ihya' al-Turāth al-'Arabī, h.106

² <http://www.imadislam.com/tafsir-11/1/09>

³ Al-Fakhr al-Rāzi (1993), op cit

Allah telah berfirman dalam ayat lain:

اللَّهُ لَطِيفٌ بِعِبَادِهِ ۖ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ ۖ وَهُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ

Maksudnya: Allah Maha Lembut kepada hamba-hamba-Nya, Ia memberi rezeki kepada sesiapa yang Dia kehendaki, dan Dialah Yang Maha Kuat, lagi Maha Kuasa

Surah al-Syūrā (42) :19

4.3.12 Ayat 76

فَلَا تَحْزُنْكَ قَوْلُهُمْ ۚ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٦﴾

Maksudnya: Maka janganlah ucapan mereka menyedihkan kamu. Sesungguhnya Kami mengetahui apa yang mereka rahasiakan dan apa yang mereka nyatakan.

Allah menegaskan bahawa setiap amalan yang dilakukan oleh manusia akan dibalas setimpal dengannya, pada hari kiamat tidak ada satu amalanpun sama ada kecil atau besar, mulia atau hina melainkan akan dibentangkan kepada mereka dan ianya tidak akan tersembunyi daripada pengetahuan Allah¹

Uslūb khabarī dalam ayat ini *ditaukīdkan* dengan (إِنَّ) sebagai peringatan kepada orang Kafir dalam melakukan amalan. Sesungguhnya gerak geri kerja mereka diperhatikan oleh Allah S.W.T dan semua amalan mereka akan dibalas pada hari akhirat nanti²

¹ Sa'īd Ḥawā' (1985) op.cit h. 4660

² Wahbah Al-Zuhaylī (1991), op cit, j 23 h 52

4.3.13 Ayat 77

أَوَلَمْ يَرِ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ نُطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُبِينٌ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: Dan apakah manusia tidak memperhatikan bahawa Kami menciptakannya dari setitik air (mani), maka tiba-tiba ia menjadi penentang yang nyata!

Huraian ayat: Mengikut Ibn Kathīr, Manusia dalam ayat ini ialah setiap yang menginkari kebangkitan, Ayat ini dibawa dengan penegasan bahawa Allah telah menjadikan setiap manusia daripada setitis air yang sangat hina dan lemah, tidak mustahil bagi Allah untuk menghidupkan mereka kembali pada hari kebangkitan walhal Dia telah mengadakan mereka dari tiada pada pertama kali.¹

Bentuk *ṭalabi* dalam ayat ini *ditaūkādkan* dengan (إِنَّ) . Ayat ini bukan semata-mata penegasan tentang kejadian manusia daripada setitis air tetapi untuk menyedarkan manusia bahawa mereka perlu taat kepada Allah dan mensyukuri nikmat yang diberikan kepada mereka.²

4.2.14. Ayat 82

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَن يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya keadaanNya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: "Jadilah!" maka terjadilah ia.

Huraian ayat: Apabila Allah menghendaki sesuatu berlaku pasti tiada orang yang dapat menghalang kehendakNya, tiada yang susah atau yang senang bagi Allah, tiada yang dekat

¹ Sa'īd Ḥawā' (1985) op.cit. h 4662

² Wahbah Al-Zuhaylī (1991), op cit, h 56

atau yang jauh baginya melainkan apabila Dia menghendaki sesuatu berlaku cukup dengan Dia sahaja melakukan dan mewujudkannya,¹kehendak dan suruhan Allah tidak perlu diulangi,²

Uslūb khabarī yang terdapat dalam ayat 82 surah Yasin tadi ialah (*إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا*) digunakan satu *taukīd* iaitu (*إِنَّمَا*) untuk menunjukkan bahawa kekuasaan Allah S.W.T dalam melakukan sesuatu³. Ayat mengenai kekuasaan Allah dalam melakukan sesuatu mengikut kehendakNya boleh dilihat dalam beberapa ayat dalam surah lain seperti:

﴿ وَمَا أَمْرُنَا إِلَّا وَاحِدَةٌ كَلَمْحٍ بِالْبَصَرِ ﴾

Maksudnya: Dan perintah Kami hanyalah satu perkataan seperti kelipan mata

Surah al-Qamar (54) : 50

﴿ إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَيْءٍ إِذَا أَرَدْنَاهُ أَنْ نَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya perkataan Kami terhadap sesuatu apabila kami menghendakinya, Kami Hanya mengatakan kepadanya: "kun (jadilah)", Maka jadilah ia.

Surah al-Nahl (16) : 40

Kesemua ayat di atas berbentuk *ṭalabī* dan dikuatkan dengan *taukīd*, ini jelas membuktikan bahawa kekuasaan Allah untuk melakukan sesuatu tidak perlu dipertikaikan oleh manusia.

¹ Sayyed Quṭb (1987), *Fi Zilali al- Qur'ān*, j5 c13, Beirut: Dār al- Syurūq, h.2978

² Abu al-Fidā', op.cit.

³ Abu al-Fidā' (2002) op cit, h 39

4.4 AYAT-AYAT DALAM BENTUK *INGKĀRĪ* (*ḌORBON INKĀRĪ*)

Antara ayat-ayatnya ialah:

4.4.1 Ayat 3

إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya: Sesungguhnya engkau wahai Muhammad adalah seorang Rasul dari Rasul-rasul yang telah diutus.

Huraian ayat: Ayat ini ditujukan kepada Nabi Muhammad bahawa baginda adalah di antara Rasul yang diutuskan.

Ayat ini tergolong dalam ayat jenis *inkārī* kerana menggunakan 2 *taukīd* iaitu (إِنَّ) dan (لَمِنَ). Apakah baginda Rasul Allah S.A.W mengingkari dan tidak percaya dengan kerasulannya sehingga Allah menegaskan kebenarannya dengan *taukīd*?, sebenarnya ayat ini *ditaukīd*kan bukan kerana keingkaran Nabi S.A.W terhadap kerasulannya tetapi kerana orang Kafir selama ini tidak percaya dengan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W, dengan itulah ayat ini dikuatkan dengan *taukīd*.¹ *Taukīd* yang digunakan di sini adalah untuk memujuk Nabi Muhammad S.A.W supaya terus berdakwah walaupun tidak diendahkan oleh orang Kafir, tujuan ayat ini juga adalah untuk mengugut orang Kafir yang mendustakan Rasulullah S.A.W.²

¹ Muhammad Mutawallī al-Sya'rāwī (tt), *Tafsir al-Sya'rāwī*, j22 Akhbar al-Yaum Qitā' al-Thaqāfah wa al-Kutub wa al-Maktabat, h 12574

² Muhammad al-Tāhir Ibn `Āshūr (1980), *Tafsir al-Tahrīr wa al-Tanwīr*, Tunisia: Dar al Tunisiyah, j 22 h. 345

4.4.2 Ayat 7

لَقَدْ حَقَّ الْقَوْلُ عَلَىٰ أَكْثَرِهِمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٧﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya, telah tetap hukuman seksa atas kebanyakan mereka, kerana mereka tidak mahu beriman.

Huraian ayat: Hakikat iman kepada Allah SWT adalah satu hakikat besar yang mencakupi seluruh bidang kehidupan manusia. Apabila iman bersemadi di dalam hati seseorang, iman itu akan terus menjelmakan kesannya dalam bentuk amal saleh dan perbuatan yang baik, kesannya juga akan ditonjolkan melalui usaha dan perjuangan yang senantiasa mengharap Allah S.W.T atau redhaNya. Taat pada Allah S.W.T bermaksud tunduk dan patuh kepada titah perintahNya sama ada kecil atau besar.¹

Dalam ayat ini Allah menegaskan tentang nasib orang-orang yang tidak beriman, iaitu mereka akan menerima nasib yang malang pada hari akhirat kelak sebagai balasan kekufuran mereka terhadap perintah Allah. Ayat ini menggunakan dua *taukīd* untuk menunjukkan bahawa seksa terhadap orang yang tidak beriman tetap berlaku.²

Tujuan sebenar penyampaian ayat ini dalam bentuk *ingkāri* dengan menggunakan dua partikel *taukīd* (لَقَدْ) dan (عَلَىٰ) adalah untuk menerangkan keadaan orang yang diseru oleh Nabi, antaranya ialah golongan yang tidak beriman dan mereka merupakan golongan majoriti.³

¹ Muhammad Alī al-Ṣabūnī (1989), *Ṣafwah al-Tafāsīr*, j3 c9 Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, h 7

² HAMKA (tt), op cit juzu' 23, h 5972

³ Muhammad Ibn `Ashūr (1980), op cit, h. 348

4.4.3 Ayat 12

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَرَهُمْ ۚ وَكُلُّ شَيْءٍ
أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami hidupkan orang yang mati, dan Kami tuliskan apa yang mereka telah kerjakan serta kesan-kesan yang telah mereka tinggalkan. Dan ingatlah tiap-tiap sesuatu Kami catatkan di dalam Kitab Lauh Mahfūz yang jelas nyata.

Huraian ayat: Ahmad al-Mustafā al-Marāghī telah menerangkan dalam buku Tafsirnya¹ bahawa pada hari Kiamat semua makhluk yang telah mati akan dihidupkan semula dari kubur. Segala amalan yang mereka lakukan akan terbentang, kesan-kesan amalan kebaikan yang dilakukan di atas dunia, seperti ilmu yang memberi manfaat, pembangunan yang dibina untuk kegunaan umum dan harta yang diwakafkan turut diperlihatkan.

Kesan-kesan amalan kejahatan dan keburukan yang dilakukan seperti hasad dengki, permusuhan dan sebagainya akan tercatat selepas kematian manusia. Penghitungan dan catatan amalan baik buruk di atas dunia merangkumi semua amalan yang dilakukan oleh anak cucu Adam, firman Allah:

وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ مُّسْتَقَرٌّ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: Dan tiap-tiap perkara yang kecil dan yang besar tetap tercatat.

Surah al-Qamar (54) : 53

¹ Ahmad Mustafā al-Marāghī (1998), *op cit.*, j 8, h.148

Mengikuti *al-Hasan*,¹ menghidupkan orang yang mati bererti mengeluarkan mereka daripada kekufuran kepada keimanan.

Allah akan mencatat apa yang telah berlaku daripada amalan-amalan baik dan amalan buruk kesan-kesan amalan yang baik, seperti ilmu yang diajarkan kepada orang lain, atau buku-buku yang dihasilkan, atau bangunan yang telah dibina untuk kebajikan orang ramai seperti masjid, hospital dan sebagainya. Segala amalan buruk yang membuatkan mereka terpesong dari mengingati Allah turut tercatat². Firman Allah:

يُنَبِّئُوا الْآلِنَسْنَ يَوْمَئِذٍ بِمَا قَدَّمُوا وَآخِرًا ﴿٣﴾

Maksudnya: Pada hari itu, manusia diberitahu akan apa yang ia telah lakukan, dan apa yang ia telah tinggalkan.

Surah al-Qiyāmah (75) :3

Ayat 12 dalam surah Yasin tadi berbentuk *inkāri*. Ini dapat dilihat melalui 2 *taukīd* yang digunakan iaitu yang pertama (إِنَّ) dan kedua ialah penggunaan perkataan (نَحْنُ). Penggunaan *uslūb khabarī* di dalam ayat ini adalah untuk memberi peringatan³, sekaligus menggalakkan manusia supaya sentiasa melakukan kebaikan⁴ dan menjauhan diri dari melakukan kejatan, kerana apa yang dilakukan oleh manusia di atas muka bumi ini tetap akan dibalas.

¹ Mustafā Ḥusayn Ahmad (1987), *Al-Kasyāf ‘an Haqā’iq ghawāmiḍ al-Tanzīl Wa ‘Uyun al-Aqāwīl fī Hujjah al-Ta’wīl*, j 4 c3 Beirut: Dār Rayyān Li al-Turāth, h. 7

² Ibid

³ Muhammad Ali al-Syuakānī (1991), op cit, h 414

⁴ Mustafā Ḥusayn Ahmad (1987), op cit.

4.4.4 Ayat 16

قَالُوا رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّا إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Rasul-rasul berkata: Tuhan kami mengetahui bahawa sesungguhnya kami adalah Rasul-rasul yang diutus kepada kamu.

Huraian ayat: Orang Kafir menafi dan mengingkari dua orang Rasul yang telah diutuskan kepada mereka dalam firman Allah:

إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا

Maksudnya: Ketika Kami utus kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya.

Surah Yasin 36 :14

Hal ini berlaku kerana mereka mengatakan bahawa Rasul yang diutuskan kepada mereka hanya manusia biasa dan tidak mempunyai apa-apa kelebihan, mereka tidak percaya utusan itu datang dari Allah dan mendakwa para utusan itu bercakap bohong.

Utusan ketiga diutuskan oleh Allah dalam firmanNya (فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ) dan diperkuatkan bahawa mereka adalah Rasul (قَالُوا رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّا إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ), meskipun diingkari, namun Tuhan Yang Maha Kuasa lebih mengetahui bahawa Rasul-rasul adalah utusanNya.¹

Ayat ini disampaikan dengan menggunakan dua *taukīd* iaitu (إِنَّ) dan (لَنْ). Dalam ayat ini juga dapat dilihat (أَلْقَصْرُ) iaitu mendahulukan (خَبْرٌ شَبِيهُ الْجُمْلَةِ) iaitu (إِلَيْكُمْ) dan mengakhirkan *mubtada'* iaitu (مُرْسَلُونَ) untuk menguatkan lagi berita yang disampaikan dan untuk

¹ Ibid

menunjukkan bahawa golongan Kafir mengingkari utusan yang diutuskan kepada mereka sebagaimana dapat dilihat pada ayat sebelumnya iaitu dalam firman Allah:¹

قَالُوا مَا أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَا أَنْزَلَ الرَّحْمَنُ مِنْ شَيْءٍ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا
كَذِبُونَ

Maksudnya: Penduduk bandar itu menjawab: Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga, dan Tuhan Yang Maha Pemurah tidak menurunkan sesuatu pun (tentang agama yang kamu dakwakan) kamu ini tidak lain hanyalah berdusta.

Surah Yasin (36) :15

Tujuan didatangkan ayat 16 tadi dalam bentuk *inkārī* ialah Untuk menunjukkan bahawa golongan Kafir bukan sahaja mendustakan utusan Allah tetapi pendustaan mereka itu berulang-ulang setiap kali diutuskan Rasul.²

4.4.5 Ayat 24

إِنِّي إِذَا لَفِيَ ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya: Sesungguhnya aku (kalau melakukan syirik) tentulah aku pada ketika itu berada dalam kesesatan yang nyata.

Huraian ayat: Kisah seorang lelaki yang datang dari pinggir negeri memberi pengajaran yang paling berharga kepada golongan Kafir, apabila lelaki itu mengajukan soalan kepada diri sendiri dengan mengatakan

¹Muhamada Mutawallī al- Sya'rawī (tt), Op cit, h 12614

² Al-Fakhr al-Rāzī (1993), op.cit. h.52

وَمَا لِي لَا أَعْبُدُ الَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Mengapa aku tidak menyembah Tuhan yang menciptakan aku, dan hanya kepadaNya (aku dan) kamu semua akan dikembalikan?

Surah Yasin (36) : 22

dan firman Allah:

ءَأَتَّخِذُ مِنْ دُونِهِ ءَالِهَةً إِن يُرِدْنِ الرَّحْمَنُ بِضُرٍّ لَا تُغْنِي عَنِّي شَفَعَتُهُمْ شَيْئًا وَلَا يُنْقِذُونِ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: Patutkah aku menyembah beberapa tuhan yang lain dari Allah? (Sudah tentu tidak patut kerana) jika Allah yang Maha Pemurah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, mereka tidak dapat memberikan sebarang syafaat kepadaku, dan mereka juga tidak dapat menyelamatkan daku.

Surah Yasin (36) : 23

Tujuan balaghah dalam penyampaian ayat 24 tadi dalam bentuk *ingkārī* dengan menggunakan dua *taukīd* (إِنَّ) dan (لَ) adalah bukan untuk menceritakan bahawa si pemuda atau lelaki itu dalam kesesatan tetapi mempunyai beberapa tujuan sebalik ayat antaranya ialah menasihati kaumnya yang tidak beriman kepada Allah, penyaksian terhadap utusan Allah, meminta hidayah daripada Allah dan memberitahu ibadat hanya kepada Allah dan ibadat selainnya adalah kesesatan yang amat besar¹

Ayat ini juga disampaikan dalam bentuk *ingkārī* memandangkan ianya mangandungai dua partikel *taukīd* iaitu (إِنَّ) dan (لَ) tujuan disebalik ayat ini antaranya ialah:

¹ Abd al-Rahmān Nāsir al-Sa‘dī (1988), *Tafsīr al-karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*, Juz 4 Jiddah: Dār Al-Madanī, h. 234.

- a. Menasihati kaumnya yang tidak beriman kepada Allah
- b. Penyaksian terhadap utusan Allah
- c. Meminta hidayah daripada Allah
- d. Pemberitahuan ibadat hanya kepada Allah dan ibadat selainnya adalah kesesatan yang amat besar¹

4.4.6 Ayat 62

وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنْكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا أَفَلَمْ تَكُونُوا تَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya Syaitan itu telah menyesatkan golongan yang ramai di antara kamu; maka tidakkah kamu berfikir dan insaf?

Huraian ayat: Allah telah menjelaskan berkali-kali tentang permusuhan syaitan dan anak-anak Adam semenjak turun temurun. Telah diterangkan juga bahawa sejak Nabi Adam A.S dikeluarkan dari syurga, syaitan dan iblis meminta agar Tuhan memberikan peluang baginya untuk memperdayakan manusia sampai hari kiamat.

Namun, manusia yang beriman tidak mudah terpengaruh dengan hasutan syaitan selagi mereka berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Hadith. Biar apapun tipu daya yang dilakukan oleh syaitan, keimanan akan menjadi benteng yang kukuh untuk menghindarkan diri daripada menjadi hamba syaitan.

Sesungguhnya tidak ada kebaikan yang diperoleh daripada janji syaitan yang membawa kesesatan dan keburukan. Bagaimanakah janji syaitan itu dapat membawa

¹ ‘Abd al-Rahmān Nāsir Al-Sa’dī (1988), Ibid

kepada kebaikan, sedangkan syaitan itu sendiri sudah sesat dan dijanjikan pembalasan pedih di akhirat nanti.

Ayat ini juga disampaikan dalam bentuk *ingkārī* dan masih menggunakan dua *taukīd* yang biasa digunakan dalam ayat-ayat lain yaitu (لَا) dan (فَإِنَّ). Tujuannya ialah untuk menunjukkan bahawa penyesatan yang dilakukan oleh syaitan terhadap manusia berlaku semenjak dahulu kala.¹

¹ Muhammad Mutawallī al-Sya‘rāwī (tt), op cit, h 12692

4.5 PENGGUNAKAN *USLŪB KHABARĪ* UNTUK TUJUAN *INSYĀ'Ī*

Tujuan asal *uslūb khabarī* adalah untuk menyampaikan berita dan menegaskan kebenaran berita. Tujuan penggunaan *uslūb insyā'ī* pula adalah untuk meminta sesuatu. Kadang-kadang penggunaan ini berlaku disebalik penggunaan asalnya iaitu *uslūb khabarī* digunakan untuk tujuan *insyā'ī* dan *uslūb insyā'ī* digunakan untuk tujuan *khabarī*. Dalam surah Yasin terdapat beberapa ayat yang berbentuk seperti ini, sebagai contoh, firman Allah dalam ayat 10:

وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠﴾

Ayat ini menerangkan tentang sikap orang Kafir Mekah yang tidak menerima seruan Rasul S.A.W. Allah S.W.T seolah-olah memerintahkan baginda supaya meninggalkan mereka¹, arahan supaya meninggalkan kaum ini tidak digunakan ayat berbentuk arahan atau ayat berbentuk *uslūb insyā'ī* tetapi digunakan dalam bentuk *uslūb khabarī* sebagaimana dalam ayat 11

إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ اتَّبَعَ الذِّكْرَ وَحَشِيَ الرَّحْمَنَ بِالْغَيْبِ

Huraian ayat: Ayat ini menceritakan tentang orang yang mengambil pengajaran daripada seruan Rasul S.A.W ialah orang yang menjadikan al-Quran sebagai pegangan hidup dan peringatan diri. Ayat ini walaupun maksudnya adalah cerita dan perkhabaran tentang sikap manusia yang diseru oleh Nabi Muhammad S.A.W, tetapi di sebalik maksudnya ialah perintah Allah kepada Nabi S.A.W supaya menyeru golongan yang ingin mengikutinya².

¹Abu Bakr al-Jazā'irī (2003), op. Cit, j 3 h 359

² Ibid

4.6 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan pada bab ini, penulis ingin mengemukakan dua perbincangan penting tentang *uslūb khabarī* dalam surah Yasin iaitu:

1. Penggunaan *uslūb khabarī* dalam surah Yasin
2. Topik perbincangan dalam *uslūb khabarī* dalam surah Yasin.

4.6.1 Penggunaan *Uslūb Khabarī* Dalam Surah Yasin:

Penggunaan *uslūb khabari* dalam surah Yasin boleh dirumuskan seperti berikut:

i. Penggunaan Ayat berbentuk *Ibtida'ī* (*Ḍorbon Ibtida'ī*)

Pada asalnya bentuk *ibtidā'ī* digunakan untuk memberitahu sesuatu atau menceritakan peristiwa yang belum diketahui oleh pendengar, penggunaan seperti ini boleh dilihat pada ayat 20 di mana Allah menceritakan tentang datangnya seorang lelaki dari hujung bandar untuk menyeru kaumnya dalam ayat:

وَجَاءَ مِنْ أَقْصَا الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَى

Walau bagaimanapun bentuk *ibtidā'ī* di dalam surah Yasin digunakan untuk tujuan lain , antaranya ialah:

a. Memberi Arahan.

Iaitu memberi arahan kepada Rasul supaya meninggalkan orang Kafir (ayat10)

b. Membuat Pengakuan

Membuat pengakuan terhadap kewujudan Allah (ayat 12) dan membuat pengakuan terhadap janji Allah adalah benar (ayat 52)

c. Menerangkan sebab

Iaitu sebab kenapa orang Kafir diseksa, kerana mereka adalah golongan yang melampaui batas (ayat 19)

d. Mengalakkan Melakukan Amalan Baik

Iaitu dari keterangan yang mengatakan bahawa manusia akan dikembalikan kepada Allah pada hari kiamat nanti (ayat 22)

e. Menghina Orang Kafir

Iaitu dengan menjelaskan bahawa untuk membinasakan mereka cukup dengan hanya satu pekikan sahaja (ayat 28), dan menghina mereka dengan memberi isyarat bahawa nerakalah tempat yang dijanjikan untuk mereka (ayat 63)

f. Memberi Peringatan

Iaitu ketika Allah memberitahu bahawa Dia mengetahui segala apa yang berlaku (ayat 79)

g. Membuktikan Kekuasaan Allah

Kekuasaan Allah dapat dilihat ketika Dia menyuburkan tanah yang kering kontang dan menumbuhkan pokok-pokok (ayat 33)

h. Malahirkan Rahmat Dan Kasih Sayang Allah Terhadap Hambanya

Iaitu melalui pemberian rezeki (ayat 34), penangguhan balasan sehingga hari akhirat (ayat 63) dan menyelamatkan manusia dari ditenggelami banjir (ayat 43-44)

i. Menerangkan keadaan

Iaitu dapat dilihat pada keadaan orang Kafir yang masih dalam kesesatan walaupun telah diberi peringatan (ayat 46), menerangkan keadaan manusia dimatikan dan dibangkitkan semula pada hari akhirat dalam masa yang cepat sehingga mereka tidak sempat untuk berpesan pesanan (ayat 49-51) dan menerangkan keadaan dunia yang bersifat sementara (ayat68)

j. Membantah tuduhan

Iaitu membantah tuduhan orang Kafir bahawa Rasul adalah penyair (ayat 69-70)

ii. Penggunaan Ayat Berbentuk *Ṭalabī* (*Dorbon Ṭalabī*)

Bentuk *ṭalabī* pada asalnya digunakan untuk penegasan seperti penegasan terhadap kebenaran al-Quran iaitu pada ayat 2 dan penegasan terhadap kejadian manusia daripada setitis air pada ayat 77. Dalam surah Yasin Terdapat penggunaan lain, antaranya ialah:

a. Memberi Peringatan

Iaitu memberi peringatan kepada sesiapa yang mengingkari perintah Allah akan mendapat balasan yang setimpal (ayat 8-9)

b. Melahirkan Kesedihan Atau Takziah

Iaitu ketika Allah melahirkan kesedihan terhadap keingkaran orang Kafir pada seruan Rasul S.A.W. Penggunaan ini dapat dilihat dalam ayat 11

c. Membuktikan Keingkaran Terhadap Rasul

Iaitu ketika dua orang Rasul diutuskan dan diingkar oleh orang Kafir (ayat 14)

d. Menunjukkan Sifat Melampaui Batas Orang Kafir

Iaitu ketika mereka ingin menyiksa para Rasul yang diutuskan (ayat 18)

e. Membuat Pengakuan

Iaitu ketika seorang lelaki membuat pengakuan bahawa dia telah beriman kepada Allah (ayat 25)

f. Memberi Peringatan

Iaitu ketika manusia diselamatkan dari ditenggelami air (ayat 41) dan ketika diingatkan bahawa Allah mengetahui apa yang dilakukan oleh manusia (ayat 76)

g. Menggalakkan Melakukan Amalan Baik

Iaitu ketika diceritakan tentang nikmat dalam Syurga yang akan dirasai oleh golongan beriman (ayat 55)

h. Menerangkan Sebab

Iaitu ketika dilarang menyembah syaitan, diterangkan sebab kenapa ditegah berbuat demikian (ayat 60)

i. Melahirkan Kuasa Allah

Iaitu ketika diceritakan bahawa kehendak Allah berlaku mengikut apa yang Dia mahu (ayat82).

j. Malahirkan Sifat Rahmat Dan Kasih Sayang Allah Terhadap Hambanya

Iaitu melalui penafian Allah untuk memberi balasan kepada hambaNya dengan seburuk-buruk balasan walaupun Dia mampu melakukannya. (ayat 66-67)

iii. Penggunaan Ayat berbentuk *inkārī* (*Ḍorbon Inkārī*)

Pada asalnya bentuk *inkārī* digunakan untuk menegaskan berita. Dalam surah Yasin terdapat penggunaan lain untuk bentuk ini, antaranya ialah:

a. Memujuk

Iaitu memujuk Rasul ketika golongan Kafir tidak menerima seruannya (ayat 3)

b. Menerangkan Keadaan Manusia

Iaitu ketika Allah memberitahu bahawa manusia yang diseru oleh Rasul kebanyakannya terdiri daripada golongan yang tidak beriman. (ayat 7)

c. Menggalakkan Melakukan Amalan Baik

Iaitu apabila diterangkan bahawa segala amalan manusia akan dihitung di akhirat nanti (ayat12)

d. Menerangkan Pengulangan Peristiwa

Iaitu ketika diterangkan bahawa sesungguhnya Allah telah mengutuskan tiga orang Rasul (ayat 16) dan godaan syaitan terhadap manusia berlaku semenjak zaman berzaman (ayat 62)

Selain itu, *uslūb khabarī* juga memainkan peranan menggantikan fungsi *uslūb insyā'i* iaitu menggunakan *uslūb khabarī* untuk tujuan *insyā'ī* sebagaimana yang terdapat dalam ayat 10-11.

4.6.2 Topik Perbincangan Dalam *Uslūb Khabarī* Dalam Surah Yasin.

Keterangan yang disampaikan di atas dapat disimpulkan bahawa penyampaian perkhabaran dalam al-Quran terutamanya dalam surah Yasin berlaku dalam pelbagai bentuk, antaranya dalam bentuk *ibtidā'ī*, *ṭalabī* dan *inkārī*. Ayat-ayat yang disampaikan melalui *uslūb khabarī* terutamanya dalam bentuk *ṭalabī* dan *inkārī* kebanyakannya berkisar tentang perkara yang masih diragui oleh manusia dan perkara yang dinafikannya, antaranya tentang perkara berikut:

i. Kekuasaan Allah

Kekuasaan Allah dapat dilihat melalui ayat-ayat *kauniāt* atau kejadian dan ciptaanya, melalui kejadian manusia sendiri, alam semesta yang terdiri daripada langit dan bumi, bukit bukau, pokok-pokok, peredaran bintang dan bulan mengikut kehendakNya, kalaulah manusia mengambil pengajaran daripada apa yang diciptakan oleh Allah untuk mereka nescaya mereka tidak akan ragu-ragu terhadap kekuasaan Allah, dan nescaya mereka akan beriman kepadaNya dan menyerahkan kehidupan mereka keseluruhannya kepada Allah

Allah yang menciptakan alam ini tidak membiarkan manusia untuk mencari jawapannya tentang kebesarannya, kerana Dia Maha Mengetahui akan kelemahan hambaNya. Kelemahan manusia sungguh banyak, contohnya kita tidak boleh menjelajah jauh ke seluruh pelusuk alam untuk mengetahui keadaan sebenar seluruh alam. Apa yang manusia boleh lakukan hanya meramalkan berdasarkan dengan sedikit ilmu yang ada pada ketika itu yang mungkin betul dan mungkin juga salah. Oleh itu, Allah telah memberitahu

manusia jawapan bagaimana dan siapa yang menciptakan alam ini. Jawapannya diterangkan di dalam al-Quran melalui RasulNya. Allah telah menyebutkan di dalam al-Quran Dialah yang menciptakan alam semesta ini dengan kekuasaan dan kehendakNya.

Firman Allah S.W.T:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَيَوْمَ يَقُولُ كُنْ فَيَكُونُ قَوْلُهُ الْحَقُّ وَلَهُ الْمَلَكُ يَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ عَنَّمُ
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ ﴿٧٣﴾

Maksudnya: Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dengan (tujuan) yang benar, dan (Dialah Juga) pada masa (hendak jadikan sesuatu) berfirman “jadilah”, lalu terjadilah ia. FirmanNya itu adalah benar. Dan bagiNya lah kuasa pemerintahan pada hari ditiupkan sangkakala. Ia yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, dan Dialah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mendalam pengetahuannya.

Surah al- An‘ām (6) : 73

Allah telah menciptakan langit dan bumi ini melalui proses-proses yang dikehendakiNya. Sebahagian daripada proses-proses kejadian alam ini telah diterangkan oleh Allah dengan jelas di dalam al Quran. Allah telah menerangkan bahawa kejadian langit dan bumi ini asalnya daripada satu yang padu, kemudian dipisahkan menjadi langit dan bumi. Firman Allah:

أَوَلَمْ يَرِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا
 وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: "Dan tidakkah orang Kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup. Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?"

Surah an-Anbiyā'(21) :30

ii. Kebenaran al- Quran

Kebenaran al-Quran dapat dilihat pada ayat kedua yang diturunkan dalam bentuk sumpahan, Kalaulah al-Quran itu tidak benar tentu sekali Allah tidak akan bersumpah, namun demikian kebanyakan manusia masih lalai dan leka untuk menerima kitab suci ini sebagai panduan hidup, Allah berfirman :

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّذِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ
 يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnyanya: Sesungguhnya al-Quran Ini memberikan petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal salih, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

Surah al- Isrā'(17) : 9

Al-Quran diturunkan sebagai mu'jizat kepada Rasulullah S.A.W untuk dijadikan panduan semua umat manusia. Di dalamnya terkandung pelbagai sistem kehidupan yang bersesuaian dengan fitrah manusia. Al-Quran bukan semata-mata untuk bangsa Arab walaupun ditulis dalam bahasa Arab. Al-Quran adalah kitab yang agung untuk umat Islam. Membacanya adalah ibadah manakala mengamalkannya adalah satu kewajipan.

Namun, al-Quran adalah kitab yang digeruni oleh orang bukan Islam. Mereka merasakan kitab ini amat berbahaya, dan mereka sentiasa berusaha untuk menghapuskannya.

Walau bagaimanapun Allah berjanji akan memelihara al-Quran sehingga hari Kiamat, firman Allah:

وَلَقَدْ جِئْتَهُم بِكِتَابٍ فَصَّلْنَاهُ عَلَىٰ عِلْمٍ هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: Dan sesungguhnya kami telah datangkan kepada mereka, sebuah Kitab (al-Qurann) yang kami telah menjelaskannya satu persatu berdasarkan pengetahuan (Kami yang meliputi segala-galanya), untuk menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang(mahu) beriman.

Surah al-A'raf (7) :52

Firman Allah lagi:

أَفَغَيْرَ اللَّهِ أَبْتَغِي حَكْمًا وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا
وَالَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُ مُنَزَّلٌ مِّن رَّبِّكَ بِالْحَقِّ فَلَا تَكُونَنَّ
مِنَ الْمُتَمَتِّينَ

Maksudnya: (Katakanlah wahai Muhammad): “patutkah Aku (terpedaya dengan kata-kata dusta syaitan itu sehingga aku) hendak mencari hakim selain daripada Allah, padahal Dialah yang menurunkan kepada kamu kitab al-Quran yang jelas nyata kandungannya satu persatu (tentang yang benar dan yang salah)?” Dan orang-orang yang kami berikan kitab,

mengetahui bahawa al-Quran itu diturunkan dari Tuhanmu dengan sebenar-benarnya. Oleh itu, janganlah sekali-kali engkau menjadi (salah seorang) dari golongan yang ragu-ragu.

Surah al-An‘ām(6) :114

وَهَذَا ذِكْرٌ مُّبَارَكٌ أَنْزَلْنَاهُ أَفَأَنْتُمْ لَهُ مُنْكَرُونَ ﴿١١٤﴾

Maksudnya: Dan al-Quran Ini juga pengajaran yang berkat, yang kami turunkan (kepada Nabi Muhammad), dengan keadaan yang demikian maka patutkah kamu mengingkarinya?¹

Surah al- Anbiyā’(21) :50

iii. Kerasulan

Antara keraguan manusia dari dulu sampai sekarang ialah tentang kerasulan Nabi Muhammad, ini dapat dilihat melalui kesesatan manusia dari sehari ke sehari yang semakin menjadi

Nabi Muhammad S.A.W. adalah pesuruh Allah yang terakhir. Baginda adalah pembawa rahmat untuk seluruh alam dan merupakan Rasulullah bagi seluruh umat di dunia. Sesungguhnya Nabi Muhammad S.A.W. merupakan satu rahmat kepada manusia sekalian alam. Baginda bukan sahaja berfungsi sebagai seorang Rasul tetapi juga sebagai pemimpin, ketua tentera dan juga sebagai pendamai.

Walaupun orang Islam mengetahui bahawa Muhammad merupakan Rasul dan Nabi terakhir bagi umat manusia, tetapi ramai di kalangan mereka masih enggan mengiktiraf Nabi Muhammad sebagai Nabi dan Rasul, mereka masih tidak beriman dengannya dan

¹ yakni setelah kamu mengetahui bahawa keadaan al-Quran samalah seperti kitab Taurāt, diturunkan oleh Allah, maka patutkah kamu mengingkarinya?

masih ragu terhadap apa yang disampaikan daripada Allah melalui kitab suci al-Quran sedangkan mereka mengetahui bahawa Nabi Muhammad merupakan pelengkap ajaran Islam selepas Nabi Musa dan Nabi Isa.

Firman Allah

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya :Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Surah al- Anbiyā'(21) : 107

iv. Kebangkitan Semula

Manusia memang kufur dan tidak percaya dengan kebangkitan semula, dalam al-Quran banyak ayat yang menceritakan tentang kehidupan selepas kematian, hari kebangkitan, cara menghidupkan kembali orang-orang yang telah mati, timbangan, perhitungan. Keyakinan terhadap hari kebangkitan dalam Islam adalah wajib bagi umat Islam, sering kali didapati keimanan kepada hari kebangkitan disebut tanpa terpisah dari penyebutan keimanan kepada Tuhan. Seperti dalam firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَى وَالصَّابِئِينَ مَن ءَامَنَ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Nasara (Nasrani), dan orang-orang Sābi'in, sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal salih, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Surah al-Baqarah 2 : 62

Sekelompok ayat menjelaskan bahawa balasan jahat dan mengerikan dari pengingkaran terhadap hari kebangkitan, sekelompok lagi menjelaskan kebahagiaan dan kesengsaraan abadi, sebagaimana al-Quran dengan pelbagai metod dan cara telah memaparkan hubungan antara perbuatan baik dan buruk dengan balasan *ukhrāwīnya*. Al-Quran dengan berbagai metod menjelaskan bahawa terjadinya hari kebangkitan adalah benar yang dapat dilihat melalui *uslūb* yang disampaikan dalam al-Quran melalui huruf *taukīd*.

v. Musuh manusia Adalah Syaitan

Sesungguhnya manusia itu dijadikan Allah bersifat lemah dan memerlukan kepada pertolongan dalam semua perkara, serta memerlukan perlindungan apabila berlaku ancaman ke atas mereka, termasuk kejahatan musuh yang ada kalanya boleh membawa kebinasaan. Musuh-musuh itu pula sama ada daripada makhluk yang boleh dilihat seperti manusia atau yang tidak dapat dilihat seperti jin dan syaitan. Syaitan itu pula merupakan musuh yang paling nyata bagi manusia sebagaimana firman Allah: Surah Al-Israa' ayat 53

قَالَ أَذْهَبَ فَمَنْ تَبِعَكَ مِنْهُمْ فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَاءُكُمْ جَزَاءً مَوْفُورًا ﴿٥٣﴾

Maksudnya: Allah berfirman: Pergilah! Maka siapa menurutmu di antara mereka, maka sesungguhnya Neraka Jahanamlah balasanmu, sebagai balasan yang cukup.

Surah al-Isrā'(17): 63

Allah S.A.W telah mengingatkan bahawa syaitan akan sentiasa mengganggu anak cucu Adam hingga hari Kiamat. Gangguan syaitan itu pula tidaklah dapat ditangkis dengan senjata, dan sesiapa yang terkena gangguannya tidak dapat diubat dengan perubatan moden tetapi hanya boleh dilawan dan dikalahkan dengan doa-doa dan zikir-zikir. Allah telah mensyariatkan kepada hamba-hambaNya supaya melazimkan diri mengamalkan *isti'āzah*

ketika melakukan pekerjaan atau membuat sesuatu amalan dan melarang mereka dari meminta bantuan dan perlindungan kepada jin dan syaitan. Firman Allah:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Maksudnya: Dan sesungguhnya beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.

Surah al-Jin (72) : 6

Allah menegaskan tentang bahaya jin dan syaitan malah jin dan syaitan itu perlu dijauh dari manusia kerana sesungguhnya ia sentiasa menyesatkan manusia dan menjauhkan mereka daripada Allah.

Kesimpulannya, ayat-ayat yang terdapat dalam Surah Yasin yang berbentuk *ṭalabī* kesemuanya berkisar tentang permasalahan akidah yang menjadi perbincangan dan perutusan utama Nabi-nabi semenjak Nabi Adam lagi kerana Nabi semua diutuskan untuk memperbetulkan akidah umat Islam dan menyeru mereka supaya mentauhidkan Allah.

Terdapat juga ayat-ayat dalam surah yasin yang berbentuk ketuhanan, kerasulan, kebenaran al-Quran dan kekuasaan Allah yang tidak dikaitkan dengan gaya bahasa yang disebutkan tadi, antara ayat-ayat itu ialah firma Allah:

وَأَيُّهُمُ اللَّارِضُ الْمَيِّتَةُ أَحْيَيْنَاهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ
﴿١٠﴾ وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجْرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ ﴿١١﴾
لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾ سُبْحَانَ
الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا

يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾ وَءَايَةٌ لَهُمُ اللَّيْلُ نَسَلَخْنَا مِنْهُ النَّهَارَ فإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ ﴿٣٧﴾
 وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَهَا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾ وَالْقَمَرَ
 قَدَرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾ لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا
 أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ ۚ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Dan dalil yang terang untuk mereka, ialah bumi yang mati, Kami hidupkannya dan Kami keluarkan darinya biji-bijian, maka dari biji-bijian itu mereka makan. Dan Kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan Kami pancarkan padanya beberapa mata air. Supaya mereka makan dari buah-buahan dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur? Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan semuanya berpasangan, dari yang ditumbuhkan di bumi dan dari diri mereka, juga dari apa yang mereka tidak ketahui. Dan lagi dalil yang terang untuk mereka ialah malam, Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta-merta mereka berada dalam gelap-gelita. Dan matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya, itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui. Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya seperti tandan yang kering. Matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana masing-masing beredar di tempat edarannya

Surah Yasin (36) :36-40

Ayat-ayat ini menunjukkan nikmat Allah yang diberikan kepada hamba-hambaNya yang mereka boleh merasainya dengan pancaindera, kerana merekalah yang mengambil manfaat daripada nikmat-nikmat tersebut. Antara nikmat-nikmat dan tanda kekuasaanNya yang dapat dilihat oleh mata orang-orang Kafir iaitu tanah yang hampir dengan mereka, mereka boleh melihatnya dalam keadaan kering kontang tiada air kemudian mereka boleh melihat ia berubah menjadi hidup ditumbuhi benih kemudian dipenuhi pokok-pokok daripada

anggor dan kelapa, terpancar daripadanya air mata air yang dapat mereka meneruskan kehidupan.¹

Dalam ayat diatas juga dapat dilihat tanda kekuasaan Allah dijelaskan melalui kejadian siang dan malam, yang manatanda-tanda tersebut dijelaskan tanpa sebarang *taukīd* kerana keadaan siang dan malam dapat dilihat oleh mata manusia yang mana mereka dapat saksikan setiap hari penggantian siang dan malam²

Perjalanan matahari pula telah dibuktikan oleh Penyelidik di kalangan manusia bahawa matahari berjalan, tetapi pada tempat peredarannya yang tetap iaitu sekitar dirinya.³ Antara nikmat Allah yang diberikan kepada manusia melalui matahari. Ialah melalui putaran bumi siang dan malam, maka keadaan hawa di permukaan bumi ini menjadi seimbang dan sederhana iaitu tidak terlalu panas dan tidak terlalu dingin sehingga manusia, haiwan-haiwan dan tumbuh-tumbuhan dapat hidup dengan selesa di permukaan bumi ini.

Sememangnya kita harus renungkan siapakah lagi selain Allah yang dapat memutarakan bumi sebesar ini? Iaitu planet yang berukur lilit 40,003 km dan beratnya beribu-ibu juta tan itu. Perkara ini hendaklah kita fikirkan sedalam-dalamnya. Seterusnya hendaklah kita selalu mengingati dan berterima kasih kepada Allah s.w.t. Janganlah kita sekali-kali menjadi orang-orang yang seakan-akan tidak mendengar dan melihatnya sedangkan kita mempunyai telinga, mata dan akal untuk bersyukur memujiNya sebagaimana firman Allah:

¹ Sayyed Qutb (tt), op. cit.

² Hamka, op cit, h 5992-5993

³ Hamka, ibid

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ ۗ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا
يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا
أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلَّ هُمْ أَضْلَىٰ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi) neraka jahanam kebanyakan dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya, dan mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya, dan mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya; mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai.

Surah al-A‘rāf(7) :179

Kejadian pada bulan dan bintang dapat dilihat oleh hamba-hambaNya, mereka melihat bulan, ia muncul seperti sabit, kemudian semakin membesar, malam demi malam menjadi bulat kemudian ia kembali mengecil sehingga menjadi seperti sabit. Hati manusia yang menyaksikan bulan satu pusingan sudah cukup untuk mengambil iktibat tentang kekuasaanNya. Sama ada mereka mengetahui atau tidak rahsia perubahan bentuk-bentuk tersebut.¹

Kesimpulan, ayat-ayat *khbarī* dalam al-Quran khususnya dalam surah Yasin berbincang dalam permasalahan akidah kerana dalam pembentukan akidah itu memerlukan bahasa dan *uslūb* yang boleh mempengaruhi pendengar, bertepatan dengan situasi dan keadaan pendengar. Pembentukan akidah juga memerlukan usaha dan jihad yang berterusan, sehingga perkara benar dapat diterima oleh orang yang disuru.

¹ Sayyed Quṭb (tt), op cit.